



اَوْنِيُوْ سِيْتِي بَاتِيْكَوْلُوْ كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH FELDA MEDOI SEGAMAT
JOHOR**

BERSAMA HAJI MOHAMAD. ISA BIN MD. IDRUS

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD FAIZ BIN AHMAD FAUZI

ROHASMEZAM BIN HASHIM

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN – IMR 604

SEMESTER 5 (SEPT 2017 – JAN 2018)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0 ABSTRAK.....	2
2.0 PENGENALAN.....	3-4
3.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	5 - 78
4.0 LOG WAWANCARA.....	79 – 81
5.0 RINGKASAN BIODATA PENULIS.....	82-83
6.0 BIODATA KETUA KAMPUNG.....	84
7.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	87-90
8.0 RUMUSAN	91
9.0 SENARAI RUJUKAN.....	92
10.0 LAMPIRAN	95
11.0 KRONOLOGI.....	94
12.0 KATA SINGKATAN.....	95
13.0 INDEKS.....	96-97

PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan izinNya maka dapatlah kami menyiapkan projek temu ramah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pembelajaran dalam subjek IMR604 (Oral History). Kami bersyukur kepadaNya kerana memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam memenuhi pelbagai kesusahan dan rintangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada encik yang telah ditemu ramah iaitu Haji Mohamad. Isa Bin Md, Idrus kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah dan bekerjasama dengan kami dalam menyumbang idea untuk menyiapkan projek temu ramah secara lisan ini. Tanpa kerjasama dan kesudian dari pihak beliau, kami juga tidak dapat menyiapkan projek ini dengan lengkap dan sepenuhnya.

Juga, tidak lupa kepada pensyarah kami, Encik Mohd Zul-Azmi Bin Ishak, kerana sudi meluangkan masa berbincang dengan kami apa jua masalah yang kami hadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau kerana tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami dalam menyiapkan projek ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kedua-kedua orang ibu bapa kami yang juga tidak berputus asa dalam memberi semangat, membantu kami dari segi kewangan dan mendoakan kejayaan kami sepanjang projek ini dijalankan. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan yang juga banyak menyumbangkan idea dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek ini. Juga diucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung sepanjang tempoh projek ini dijalankan.

Sekian, terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temu ramah yang dijalankan pada tarikh 17 Disember 2017 pada jam 10.20 pagi. Temu ramah ini mempunyai seorang yang ditemu ramah untuk menceritakan pengalaman dan pengetahuan beliau terhadap Kampung atau Felda Medoi. Felda Medoi merupakan salah satu Felda yang paling hampir dengan bandar iaitu bandar Segamat. Selain itu, Felda Medoi juga dikenali dengan sekolahnya yang terkenal dengan sukan memanah bagi sekolah rendah dan Felda Medoi antara yang memiliki dua buah sekolah iaitu sekolah rendah dan sekolah agama di bawah nama Medoi. Oleh sebab kedudukan lokasi Felda Medoi yang berhampiran dengan bandar menjadi satu keistimewaan bagi penduduk dan peneroka di sini, ini menjadi satu kemudahan bagi penduduk dalam menjalankan apa-apa program atau meminta bantuan dari pihak berkuasa. Apa yang menarik, Felda Medoi sudah diterokai oleh Felda pada 1960 dan Tuan Haji Mohamad. Isa mula menetap di Felda Medoi pada tahun 1980 sehingga kini. Semenjak daripada itu, pada tahun 2003 umur 54, beliau telah dilantik untuk menjadi ketua kampung di Felda Medoi. Berikut di bawah antara kisah-kisah kehidupan beliau sebelum, sehingga, dan ketika menjadi ketua kampung.

Kata Kunci: Felda Medoi, Hj. Mohamad. Isa Bin Hj. Md. Idrus, Ketua kampung.

2.0 PENGENALAN

Sejarah merupakan peristiwa lampau yang terjadi pada satu masa dahulu dan sangat memberi impak kepada masyarakat pada zaman sekarang. Sejarah juga merupakan perkara yang harus diingati oleh generasi sekarang dan generasi akan datang untuk menjadi sumber inspirasi supaya menjadi lebih bertanggungjawab kepada negara dan bangsa. Oleh itu, sejarah lisan merupakan satu proses merekod pelbagai peristiwa bersejarah melalui temu ramah yang dilakukan di antara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah sama ada orang yang ditemu ramah itu mengalami, mengetahui ataupun menyaksikan peristiwa yang bersejarah dan boleh menceritakan tentang perihal yang berlaku pada masa tersebut. Proses ini dilakukan untuk mengumpul maklumat-maklumat berkaitan dengan peristiwa bersejarah untuk memberikan sedikit informasi kepada pembaca-pembaca yang ingin mendalami sejarah yang berkaitan. Selain itu, proses ini dilakukan dengan merekod suara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah untuk dibukukan atau dipindahkan ke bentuk transkrip supaya memudahkan para penyelidik mencari maklumat.

Tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mengumpulkan maklumat berkenaan sejarah kewujudan kampung atau dikenali Felda Medoi, juga mengupas kisah-kisah Tuan Hj. Mohamad. Isa Bin Hj. Md. Idrus dalam jawatan sebagai ketua kampung dan bagaimana beliau mengendalikan dan menguruskan Felda Medoi daripada dulu sehingga kini. Selain itu, tujuan sejarah lisan ini juga adalah satu medium sebagai rujukan kepada generasi akan datang dan penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat berkenaan dengan sejarah lama.

Oleh itu, kami sebagai penemu ramah berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah Felda Medoi dan diri Hj. Mohamad. Isa sendiri yang sangat memberi impak kepada penduduk Felda Medoi dengan permukaan bumi serta aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di dalam dan juga Felda Medoi. Berikutan itu, kami telah menyediakan pelbagai soalan untuk di jawab orang yang ditemu ramah untuk mengumpul semua maklumat berkaitan dengan Felda Medoi dan Tuan Hj. Mohamad. Isa. Oleh sebab keunikan nama dan kedudukan lokasi Felda Medoi menarik kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang Felda Medoi ini. Walaupun Felda Medoi ini majoritinya terdiri daripada golongan emas, golongan muda juga turut bergiat aktif dalam memajukan Felda ini, dari segi pembagunan, kebersihan dan juga keselamatan.

Di sini telah kami mengupas kembali kisah-kisah bagaimana Tuan Hj. Miohamad Isa dilantik menjadi ketua kampung dan serba sedikit sejarah berkenaan kewujudan Felda Medoi. Sebagai orang lama serta orang yang memegang jawatan sebagai ketua kampung, beliau dapat menjawab segala pertanyaan dan memberitahu dengan lebih lanjut berkaitan dengan perkara yang diperlukan untuk dibukukan.

Kesimpulannya, segala masalah yang berlaku dapat dihadapi dan diatasi oleh kami sebagai penemu ramah yang berminat untuk mengetahui berkenaan dengan Felda Medoi dan kisah ketua kampung, Hj. Mohamad. Isa. Walaupun terdapat beberapa ralat dan kesukaran ketika proses menemu ramah, kami sebagai penemu ramah tidak mempunyai hak untuk menuju salah pada mana-mana pihak, sebarang kesilapan yang berlaku amat dikesali dari pihak kami. Diharap segala maklumat yang telah dibukukan ini dapat memberikan informasi yang secukupnya kepada penyelidik, pelajar, dan mana-mana pihak yang ingin menjadikan bahan ini sebagai rujukan pada masa akan datang. Demikian sedikit ulasan untuk wawancara lisan yang dilakukan di rumah Hj. Mohamad. Isa, beralamat di 558, Jalan Cengal, Felda MEdoi, 85050, Segamat, Johor Darul Takzim.

3.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Rakaman dilakukan bersama Haji Mohamad. Isa bin Md. Idrus

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Haji Mohamad Isa. Bin Md. Idrus yang merupakan ketua kampung bagi Felda Medoi, Segamat, Johor. Rakaman ini dijalankan di rumah beliau pada 17 Disember 2017 bermula pada Jam 10.20 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Muhammad Faiz Bin Ahmad Fauzi dan Rohasmezam Bin Hashim. Dengan segala hormatnya kita mulakan temu ramah ini.

FAIZ : Selamat pagi Tuan Haji.

HJ. ISA : Ya, selamat pagi, (berdeham).

FAIZ : Pada mulanya, Assalamualaikum tuan Haji.

HJ. ISA : Waalaikummussalamwarahmatullah. (batuk)

FAIZ : Boleh Hajikan beri[Ralat]... Bole Haji berikan nama penuh?

HJ. ISA : (batuk) Nama saya, aaa... Haji Mohamad Isa Bin Haji Md. Idrus. (bunyi meja bergerak)

FAIZ : kemudian adakah haji mempunyanyi apa-apa gelaran?

HJ. ISA : Ha... gelaran saya kalau dekat Medoi ni [ini] Tok Ketua je [sahaja] lah, Tok Ketua. (batuk) (bunyi meja)

FAIZ : Selain dari Tok Ketua, ada apa-apa lagi gelaran?

HJ. ISA : Ha.. takde [tiada].

FAIZ : Tiada?

HJ. ISA : Takde [tiada]. (batuk)

FAIZ : Boleh kami menggunakan gelaran ini sesi temubual dijalankan?

HJ. ISA : Boleh boleh

FAIZ : Boleh?

HJ. ISA : Boleh. (batuk)

FAIZ : Berapakah umur Haji sekarang?

HJ. ISA : Sekarang aaa... saya ingat enam puluh sembilan [69] saya rasa, enam puluh sembilan [69] tahun.

FAIZ : Bilakah tarikh Haji dilahirkan?

HJ. ISA : Dilahirkan satu [1] haribulan tujuh [7], satu [1] bulan tujuh [7] seribu seratus empat puluh sembilan [1949]. (batuk) (bunyi meja)

FAIZ : Haji merupakan anak yang ke-berapa?

HJ. ISA : Anak yang pertama.

FAIZ : Dimanakah tempat kelahiran Haji?

HJ. ISA : Kelahiran saya di Muar Johor. (bunyi meja)

FAIZ : Adakah Haji merupakan anak jati kampung ini?

HJ. ISA : Err. ni [ini] kampung ni [ini] Felda Medoi kan?

FAIZ : Felda Medoi?

HJ. ISA : Saya bukanlah, anak jati saya di Muar lah, Johor Johor, Muar Johor. Hmm.

FAIZ : Bilakah tahun haji mula menetap di sini?

HJ. ISA : Tahun... satu [1] sembilan [9] lapan [8] kosong [0], tahun lapan puluh [80].
(batuk)

FAIZ : Sudah berapa lama Haji menetap di sini?

HJ. ISA : Ooo.. lapan puluh [80] [berfikir sejenak] Tak [tidak] pasti pulak duduk Medoi
[berfikir sejenak] (bunyi meja bergoyang) Lapan puluh [80] sampai sekarang
lah.

FAIZ : Daripada tahun sembilan lapan puluh [1980] (Hj. Isa mencelah)
sehingga sekarang lah?

HJ. ISA : Haa. Sehingga sekarang (sambil mencelah).

FAIZ : Sehingga sekarang?

HJ. HASAN : Haah. Tahun lapan puluh [80] sehingga sekarang lah. (Faiz mencelah) Dua
[2] kosong [0] tujuh belas [17]. Haa, itu je [sahaja], ha.

FAIZ : Haa. (Sambil mencelah)

FAIZ : Apakah aktiviti yang Haji lakukan ketika waktu lapang?

HJ. ISA : Aktiviti takde [tiada] ni [ini], anu [itu]. macam ketua-ketua lah, dalam Felda
ni [ini]. Ha. (bunyi meja). Aktiviti dia macam saya dia lantik pengerusi
koperasi, Felda Medoi, aaa. sebelum tu [itu], pengerusi masjid tapi saya dah
[sudah] - - - lah. Ketua - - - cawangan. Ha, sebelum tu [itu] lah. Ada ketua
cawangan pun saya ingat tiga [3] penggal dah [sudah] saya rasa. Hmm.
Aktiviti tu [itu] lah. Itu saje [sahaja] lah.

- FAIZ** : Adakah terdapat sebarang perubahan pada Felda Medoi sejak Haji menetap di sini?
- HJ. ISA** : Haa. Sejak pada tahun lapan puluh [80] tu [itu] sampai sekarang ada perubahan lah. Bangunan-bangunan pun ada, err, macam gelanggang sukan dan sebagainya telah dibuat lah. Masa tuh [itu] takde [tiada] lagi saya sampai. Ha, sekarang dah ada dah [sudah]. Err, dewan Semai Bakti Felda, haa, pun dah [sudah] ada. Dah [sudah] ada sekarang di Medoi lah.
- FAIZ** : Seperti sekolah?
- HJ. ISA** : Ha, sekolah ada, sekolah kebangsaan, sekolah agama ada. Sekolah - - - agama, balai raya, ada. Tadi satu tu [itu] apa?. Dewan Semai Bakti an [kan] ?. Ha, tu [itu] pun ada la. Gelanggang futsal, ha.
- FAIZ** : Yang lain seperti, aaa, kemudahan-kemudahan...(Hj. Isa mencelah)
- HJ. ISA** : Kemu...Kemu- - -
- FAIZ** : Kemudahan yang disediakan kepada penduduk kampung?
- HJ. ISA** : Ha, kemudahan-kemudahan macam, err, bas-bas takde [tiada] lah (suara). Dulu [dahulu] ada koperasi punya, tapi dah [sudah], [berfikir sejenak] sekarang ni [ini] takde [tiada] lah. Pasal diorang [penduduk kampung] dah banyak kenderaan. Ha.
- FAIZ** : Seperti pusat komputer?
- HJ. ISA** : Komputer [pusat komputer] ada. Haah. Apa nama dia tu [itu] [berfikir] di pejabat, depan pejabat Felda Medoi, ada (suara Faiz mencelah) pusat komputer. Ha, Satu Malaysia, ada. Dan ada budak-budak belajar semua lah. (batuk)

FAIZ : Bagaimanakah keadaan Felda Medoi ini semasa Haji baru menetap di sini?

HJ. ISA : - - - kat [dekat] sini?. Keadanya memang rumah pun kurang perubahan lah. Sekarang ni [ini] dah [sudah] ada perubahanlah, dah [sudah] ada rumah baru, ha, dibuat baru kan, rumah-rumah peneroka ni [ini] dulu kalau diikutkan yang dulu, rumah lama-lama semua. Skang [sekarang] ni [ini] da [ada] perubahan lah. Nampak ada perubahanlah, rumah buat baru. Itu saje [sahaja] lah perubahan dia. Ha.

FAIZ : Dari segi penduduk?

HJ. ISA : Penduduk seramai tiga ratus tiga puluh satu [331] peneroka.

FAIZ : Pada awalnya?

HJ. ISA : Aaa, pada awalnya dua ratus lima puluh [250] dicampur dengan peringkat dua [2], tujuh puluh tiga orang [73]. Ha, tu [itu] jumlah semua. Haa itulah jumlah semua. Peringkat dua [2], biasanya Felda-felda ramai [peneroka], tapi Medoi saje [sahaja] tujuh puluh tiga [73] saje [sahaja]. (batuk)

FAIZ : Jadi, setiap tahun makin [semakin] bertambah?

HJ. ISA : Tak [tidak] (suara Faiz mencelah). Itu saje [sahaja].

FAIZ : Tak bertambah. (sambil mencelah). Itu sahaja?

HJ. ISA : Ha. (bunyi telefon berdering)

Rakaman diberhentikan seketika.

Rakaman disambung semula.

- FAIZ** : **Aaa, berikut adalah sambungan wawancara berkaitan dengan Felda Medoi?**
- HJ. ISA** : Hmm.
- FAIZ** : **Aa, tuan haji kami akan masuk ke soalan keluarga. Adakah ibu bapa Haji masih sihat?**
- HJ. ISA** : Sihat, [berfikir] masih ada lagi, dua-dua (ketawa).
- FAIZ** : **Adakah ibu dan bapa haji merupan [ralat], merupakan anak jati kampung ini?**
- HJ. ISA** : **Bukan, dia anak jati muok [ralat], err, Muar, Pagoh Muar juga. Johor, Johor lah. Pagoh Muar johor. Tempat lahir.**
- FAIZ** : **Luar daripada sini lah?**
- HJ. ISA** : Haah, luar daripada sini. - - - (suara perlahan).
- FAIZ** : **Aaa, termasuk [ralat], aaa ibu, dari tempat lain, bapa pun dari tempat lain?**
- HJ. ISA** : Haa, yang ibu saya, sama juga.
- FAIZ** : **Sama juga?**
- HJ. ISA** : Ha, dua-dua sama [ibu bapa], ha, Johor Muar, Johor juga.
- FAIZ** : **Adakah ibu bapa Haji tinggal sekali atau berjauhan?**
- HJ. ISA** : **Maksudnya tinggal dengan saya? Tak [tidak]?**
- FAIZ** : **Tinggal dengan Tuan Haji.**

- HJ. ISA** : Ha, tak-tak [tidak-tidak]. (suara Faiz mencelah). Ha, saya ke lain [tempat lain], orang tua saya lain [ke tempat lain] (suara Faiz mencelah). Ha, dia, dia Felda Chempelak (suara), saya Felda Medoi (suara). Orang tua saya dekat Felda Chempelak sekarang ni [ini]. (suara)
- FAIZ** : Ha, ha, ha.
- FAIZ** : **Berapakah bilangan adik-beradik Haji?**
- HJ. ISA** : Adik-beradik saya, errr (befikir), lima [5].
- FAIZ** : **Lima [5]?**
- HJ. ISA** : Haah.
- FAIZ** : **Berapakah jumlah adik-beradik perempuan (suara Hj. Isa mencelah) dan adik-beradik lelaki?**
- HJ. ISA** : Aaa (sambil mencelah), laki-laki [lelaki] tiga [3], perempuan [2].
- FAIZ** : **Adakah kesemua adik-beradik haji masih sihat?**
- HJ. ISA** : Sehat, masih sihat. Hmm.
- FAIZ** : **Adakah adik-beradik Haji tinggal di kampung [Felda Medoi] ini atau berjauhan?**
- HJ. ISA** : Ooo, berjauhan. Haa, berjauhan. Ada yang bawah saya nombor dua [2] tuh [itu] di Felda Keratong satu [1], haa lepas tu [itu] di, rumah rakyat Labis, ha lepas tu [itu] di Rawang Selangor. Ha tu [itu] semua dia la, ada tempat masing-masing. Hmm.
- FAIZ** : **(bunyi tarik nafas) Apakah pekerjaan yang mereka lakukan sekarang?**
- HJ. ISA** : Pekerjaan?. Ha, saya, saya sebagai peneroka, peneroka Felda. Adik saya nomb [ralat], sebagai peneroka Felda. Aaa, yang ketiga tuh [itu], err, bengkel,

bengkel keta [kereta], di rumah yat [rakyat] Labis. Yang nombol [nombor] empat [4], err, di [berfikir], rumah rakyat Labis juga. Yang nombor lima di Rawang Selangor. (suara) Haah, yang Rawang Selangor tu [itu], apeni [apa ini] [berfikir], pencen, tentera lah. Ha, duduk [tinggal] di sana. (batuk).

FAIZ : Bekerja sendiri lah?

HJ. ISA : Ha, keja [bekerja] sendiri.

FAIZ : Bekerja sendiri.

HJ. ISA : Hmhm.

FAIZ : Soalan seterusnya, aaa, apakah nama isteri Haji?

HJ. ISA : Nama isteri saya, err, Hajah Jamilah (suara Faiz mengungali nama), Jamilah Binti Haji Janis.

FAIZ : Isteri Haji berasal dari mana?

HJ. ISA : Berasal dari [berfikir], aaa, Parit Jawa, Muor [Muar]. Muor [Muar] lah.

FAIZ : Muor [Muar]?

HJ. ISA : Ha, Muor [Muar], Muar johor lah.

FAIZ : Bolehkah Haji ceritakan serba sedikit tentang isteri Haji?

HJ. ISA : Isteri saya?. Isteri saya, err [berfikir], kalau nak kirakan [mendirikan] rumah tangga saya di Felda Chempelak lah. Haa, saya berkenalan pada [di] Chempelak. Chempelak lepas tu [itu], beliau ni adalah guru igama [agama] negeri Johor. Guru igama [agama] negeri Johor, dan sekarang telah pun bersara. Saya ingat dah lima-nam [5 hingga 6] tahun agaknya. Ha, dah bersara lah. Ha, [berfikir], haa itulah, aa asal dia [isteri Hj. Isa].

- FAIZ** : Lagi, aa, bila tuan Haji mendirikan rumah tangga?
- HJ. ISA** : Saya mendirikan rumah, [berfikir] tangga, taon [tahun] tujuh puluh tujuh [77]

- FAIZ** : Tujuh puluh Tujuh [77]?
- HJ. ISA** : Tujuh puluh tujuh [77], lapan [8] sembilan [9], sepuluh [10], - - - [berfikir].
- FAIZ** : Di Felda Chempelak?
- HJ. ISA** : Di Felda Chempelak. (bunyi meja bergerak)
- FAIZ** : Bila [ralat], bilakah umur tuan Haji mendirikan rumah tangga?
- HJ. ISA** : Saya mendirikan rumah tangga, umur [umur] saya sembilan belas [19] taon [tahun]. (suara mencelah) (ketawa).
- FAIZ** : Sembilan belas [19] tahun. (bunyi meja bergoyang)
- HJ. ISA** : Haa.
- FAIZ** : Sama [umur] dengan isteri tuan Haji?
- HJ. ISA** : Haa.
- FAIZ** : Sama.
- HJ. ISA** : Haa.
- FAIZ** : Bila [ralat], Hmm. Kemudian, Haji mempunyai berapa orang anak?
- HJ. ISA** : Saya, lima [5] [ralat].
- FAIZ** : Lima [5] orang anak?

- HJ. ISA** : Lima [5] [ralat] orang anak. Haa. (bunyi meja bergoyang)
- FAIZ** : Berapakah, erm, bilangan adik [ralat]. Bilang [ralat], bilangan anak perempuan dan anak lelaki?
- HJ. ISA** : Perempuan dua [2], laki-laki [lelaki] dua [2]. Hmhm.
- FAIZ** : Bolehkah Haji ceritakan tentang latar belakang anak-anak haji.
- HJ. ISA** : Ooo, anak perempuan yang nombor satu [1] tuh [itu] dia sebagai tentera. Tentera darat. Ha, tentera darat di kem Sirajuddin Gemas (suara) (bunyi meja), Haa [berfikir], yang nombor dua [2] tuh [itu], err, bemiaga di [berfikir] Kolompo [Kuala Lumpur]. - - - kedai - - -, ada pemiagaan lah kat [dekat] sana (suara). Ha no. dua [2]. Nombol [nombor] tiga [3], err, dulu dia pensyarah universiti (suara), kat [dekat] Bangi. Aaa, nombor empat [4], err, kemeterian dalam negeri (suara). Haa, nombor empat [4]. Itu saje [sahaja] lah. [Berfikir] Di kolompo [Kuala Lumpur], err, Kelana Jaya nombor empat [4] tuh (bunyi meja), yang nombor tiga [3] ni [ini] dekat, Bangi, (suara), ha kat Bangi, Bangi Selangor an [kan]? [berfikir]. Ha, kat Bangi. Tu je [Itu sahaja]. [Berfikir sejenak]
- FAIZ** : Kemudian, hmm. Adakah anak-anak Haji menetap di kampung ini?
- HJ. ISA** : Tidak (suara), semua, duduk [tinggal di] luar (suara). Sorang [seorang], err, dua [2] orang di Kuala Lumpur [ralat], skang [sekarang] ni [ini] tiga [3] di kolompo [Kuala Lumpur]. Aaa, eh, empat [4] [ralat]. Ha, tiga [3] (suara), satu [1] dekat [berfikir], Chengkelima Pahang (suara). Haa, Pahang. Dekat luar... (batuk)
- FAIZ** : Adakah anak-anak Haji sering melawat Tuan Haji?
- HJ. ISA** : Ha sering, selalu balik lah. Ha ni [ini] baru balik lagi. (suara) (batuk).
- FAIZ** : Adakah juga Tuan Haji per [ralat], aaa, sering melawat anak-anak Haji?
- HJ. ISA** : Ha, saya pun sering. (ketawa)

- FAIZ** : Berulang-alik?
- HJ. ISA** : Berulang-alik selalu ke [berfikir], kualompo [Kuala Lumpur], ke Jengka memang saya pergi la (suara). Ha, saya mang [memang] selalu pergi. Ha, pasal nak [hendak] tengok cucu tuh [itu], baru lagi (suara) (ketawa).
- FAIZ** : Adakah Haji sudah mempunyai cucu dan cicit?
- HJ. ISA** : Ya, cut... [ralat], cicit takde [tiada], cucu ada. Ada [berfikir], nam [enam] [6] (suara), cucu, ha.
- FAIZ** : Jadi cucu Tuan Haji sudah bersekolah, (suara) atau ada yang sudah bekerja?
- HJ. ISA** : Yang dua [2] dah bersekolah, yang lain lagi belum [belum]. (suara), belum belum belum. Baru dalam empat [4] lima [5] tahun lah macam tuh [itu]. (suara). Haa, yang tuh [itu] dah [berfikir sejenak], dah sekolah dah tuh [itu].
- FAIZ** : Tuan Haji ada lagi nak [hendak] tambah berkaitan dengan keluarga? Tuan Haji (suara), yang nak [hendak] diceritakan?
- HJ. ISA** : Nak ceritakan?
- FAIZ** : Yang nak [hendak] dikongsikan bersama kami.
- HJ. ISA** : kongsi-kongsi kan, takde [tiada] apa cerita lah, cuma dulu kalau saya, err, selaku apatu [apa itu], - - - cawangan di sekolah mintak [minta] beri satu [1] apa ni [ini], err [berfikir sejenak], pendapat lah yang kita nak memajukan anak-anak ni [ini] kan (suara). Jadi saya bercakap dalam majlis tuh [itu], dulu anak saya takde [tiada] sorang [seorang] pun universti [belajar di universiti], masuk [dalam majlis], kita malu juga, - - - ketua kampung kan (suara). Tapi apabila tu [itu], dia [anak Haji] da [sudah] dapat satu [1], pastu [selepas itu] dapat dua [2], dapat tiga [3], tinggal satu [1]. Ha, jadi saya pun bersyukur lah, saya bagi semangat lah diorang kat [di] sekolah tu [itu]. Ha jaga anak baik-baik ni [ini] kan (suara). Haa, nanti awak da [sudah] pegi [pergi] peringkat universiti awak tahu lah, dia punya apa tuh [itu], cantik tempat dia, saya cakap macam tu [itu] lah (suara). Haa, semangat mcm tuh [itu] saya bagi. (batuk) (bunyi selakan kertas).

- FAIZ** : Kemudian kita pergi ke pendidikan.
- HJ. ISA** : Ehem.
- FAIZ** : Amm, pada tahun bilakah haji bersekolah rendah?
- HJ. ISA** : Ooo, saya ingat taon [tahun] lima [5] [berfikir sejenak], lima puluh tujuh [57].
- FAIZ** : Sembilan belas lima puluh tujuh [1957]?
- HJ. ISA** : Ha, sembilan [9] lima [5] tujuh [7].
- FAIZ** : Kemudian pada tahun bilakah Haji bersekolah menengah?
- HJ. ISA** : Sekolah menengah, err, lima [5] tujuh [7] masuk tahun berapa, saya pun tak [tidak] pasti lah masuk tahun berapa, tapi saya ada tingkatan satu [1] dua [2], lepastu [selepas itu] saya berhenti sekolah lah saya ingat. (suara), ha sampai tingkatan dua [2] saya ingat lah, berhenti saya.
- FAIZ** : Bolehkah Haji ceritakan latar belakang pendidikan haji?
- HJ. ISA** : Pendidikan saya, saya berhenti lepas [selepas] tu [itu] takde [tiada] papew [apa-apa]. Saya umur [umur] tujuh belas [17] tahun [tahun], saya ingat saya dah [sudah] bekerja lah di Sekolah Kebangsaan Felda Chempelak. Sebagai apa tuh [itu] - - - apa - - -, haa, pastu [selepas itu] saya tukor [tukar], saya tukor [tukar], saya mintak [minta] kerja luar, tukang kebun, haa, selama sepuluh [10] taon [tahun] saya kerja, haa, kira kerja tuh [itu] sepuluh taon [tahun], lepastu [selepas itu], saya pindah ke mari [ke Felda Medoi], saya berhenti kerja, saya pindah ke sini [Felda Medoi]. Haa, tu la [itulah] cita [cerita] dia. Hmm.
- FAIZ** : Hmm, Tuan Haji ingat, apakah nama sekolah rendah?
- HJ. ISA** : Yang - - - sekolah?
- FAIZ** : Haa, yang Tuan Haji pergi.

- HJ. ISA** : Sekolah Kebangsaan Kampung Raja, Pagoh Muar. Haa, Sekolah Kebangsaan Kampung Raja, Pagoh Muar, Sekolah saya asal lah.
- FAIZ** : Di Muar ?
- HJ. ISA** : Di Muar, Pagoh. Ha, di pago [ralat] Muar, Pagoh dan Pagoh tu [itu] menghala ke bandar Muor [Muar] lebih kurang dalam lapan belas [18] kilometer. Hmm.
- FAIZ** : Amm, kemudian nama haj [ralat], nama sekolah menengah Tuan Haji.
- HJ. ISA** : Menengah, err, Sekolah Menengah Pekan Pagoh, Pekan Pagoh Muar lah.
- FAIZ** : Pada tahun berapakah Haji menamatkan pendidikan di sekolah rendah?
- HJ. ISA** : Saya ingat tahun [befikir], enam puluh [60] [berfikir] enam puluh satu [61], enam puluh dua [62] lah saya ingat.
- FAIZ** : Enam puluh dua [62]?
- HJ. ISA** : Enam puluh dua [62]. - - - (suara tidak jelas sambil berfikir) (bunyi ketukan meja)
- FAIZ** : Selepas tamat persekolahan, adakah Haji meneruskan pen... [ralat], pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?
- HJ. ISA** : Ooo tidak. Takde [tiada].
- FAIZ** : Tuan Haji terus, aa cari pekerjaan?
- HJ. ISA** : Ha, terus keja [kerja]. Hmm. Tujuh belas tahun [17] saya dah [sudah] kerja (suara). Ha, sembilan belas tahun [19] saya dah [sudah] (ketawa), dah [sudah] berumah tangga (ketawa). Jadi sekarang anak pun dah [sudah] besar [besar] dah - - - (suara) sama lah, takde [tiada] (suara), takde [tiada] dengan kita lah. Ha, tu [itu] citer [cerita] dia. Hm.
- FAIZ** : Kemudian, apakah yang haji lakukan selepas tamat persekolahan?

- HJ. ISA** : Tamat persekolahan (berfikir), saya dah [sudah] bekerjalah kan (suara), takde apa yang lakukan lah, saya bekerja lah (suara), bekerja lepas [selepas] tuh [itu] kalo [kalau] ada masa tolong orang tua saya kebun, kerja kebun kan, tu [itu] saje [sahaja] lah. Pastu [selepas itu] sembilan belas [19] tahun saya dah [sudah] rumah tangga. Terus sembilan belas [19] tahun semua, dua puluh [20], satu [1] dua [2] tiga [3]. Ha, saya bekerja di sekolah tu [itu] sampai taon [tahun] lapan puluh [80], saya pindah ke mari (suara). Itu dia... (batuk).
- FAIZ** : Ok, aa, kita bergerak pada kerjaya.
- HJ. ISA** : Hmm.
- FAIZ** : Apakah pekerjaan pertama yang Haji lakukan selepas tamat belajar.
- HJ. ISA** : Aaa, pekerjaan pertama tadi lah yang tu [itu], kira macam [berfikir], - - - sekolah lah.
- FAIZ** : Boleh, tuan Haji ceritakan lagi?
- HJ. ISA** : Ha, - - - sekolah, itu sahaja lain-lain kerja saya takde [tiada] lah.
- FAIZ** : Takde [tiada] lagi?
- HJ. ISA** : Takde-takde [tiada-tiada]. Itu saje [sahaja] lah, ha, pastu [selepas itu] saya terus bekerja tuh [itu], masuk kerja umur [umur] tujuh belas [17] tahun, dah [sudah], terus jalan terus sampai sekarang lah (suara), lain-lain apa takde [tiada]. Pengalaman apa pun takde [tiada]. Haa.
- FAIZ** : Apakah pengalaman Haji sebagai kerjaan yang boleh di kongsikan?
- HJ. ISA** : Takde [tiada] apa lah, macam apa nak kongsikan takde [tiada], dah kerja tu [itu], takde [tiada] apa. (suara). Ha?.
- IJAM** : Kenangan pahit manis?
- HJ. ISA** : Pahit manis, takde [tiada] lah cuma saya, cuma itu lah, kerj [ralat], bekerja dekan [ralat] [dekat] Jabatan Pendidikan tuh [itu], aa sepuluh [10] tahun,

lepastu [selepas itu] saya, berhenti jadi peneroka je [sahaja] (suara). Aa, pengalaman pahit manis pun, saya tak [tidak]... . Saya mula dah [sudah] kerja kan, duit dah ada, takde [tiada] apa -apa masalah lah saya (ketawa), duit dah [sudah] ada. Ha.

FAIZ : Hmm, apakah jawatan tertinggi pernah disandang [ralat], disandang dalam kerjaya Haji.

HJ. ISA : Di sini [Felda Medoi] ni [ini]?

FAIZ : Ermm, dalam, ketika bekerja.

HJ. ISA : Ketika bekerja?, takde [tiada] lah, itu saje [sahaja] lah. Ha, - - - sekolah, itu sahaja la.

FAIZ : Bilakah Haji tamat berkhidmat sebagai (berfikir), ermm, di, di sekolah tu [itu]?

HJ. ISA : Di sekolah tu [itu]? , taon [tahun] lapan puluh [80]. Lapan puluh [80] tamat, terus ke mari, Felda Medoi.

FAIZ : Apakah pengalaman Haji yang tidak dapat dilupakan, semasa betugas di sekolah itu?

HJ. ISA : (Ketawa) apa - - -. Pengalaman takde [tiada] apa lah. Cuma saya yang anu [ingat] tuh [itu] pasal apa, saya bekerja tuh seramai lima [5] orang, lima-lima [5] berhenti suma [semua] (suara). Pengalaman saya yang suka tu [itu], benti [berhenti] semua, semua pergi jadi peneroka Felda, dekat Jengka, dekat Air Tawar, merata-rata lah mana yang Felda, abis [habis] - - - (ketawa). Itu yang saya anu [ingat] tu [itu], pengalaman yang saya tengok berhenti semua sekali tu [itu]. hm, itu saje [sahaja] lah rasa.

FAIZ : Aaa, kemudian berapa banyakkah bilangan pekerjaan yang pernah haji lakukan selain dari itu.

HJ. ISA : Selain itu eh?. Takde [tiada] itu saja [sahaja] lah.

- FAIZ** : Itu sahaja?
- HJ. ISA** : Haa, saje [sahaja].
- FAIZ** : Lepas [selepas] tamat pekerjaan, tuan Haji terus menjadi peneroka Felda?
- HJ. ISA** : Ha, jadi peneroka Felda.
- FAIZ** : Jadi... (Hj. Isa mencelah)
- HJ. ISA** : Adalah masa umur dalam dua [2] tiga [3] belas tahun, saya macam kerja apa, - - - kong?. Kerja dengan Cina kan (suara). Tapi - - - ada jugalah saya, pernah juga. Masa umur [umur] dua belas [12], tiga belas [13] tahun saya ingat lah. Ha, bekerja lah dengan kawan-kawan kan, kerja dengan Cina. Dekat dengan Felda Chempelak lah (suara). Lebih kurang dalam empat [4] lima [5] kilometer. Ha, saya bekerja situ lah. Masa tu [itu] gaji singgit [seringgit] sehari. Satu inggit [ringgit] je [sahaje], tapi masa tu [itu] besar [besar] lah kan? (suara). Ha, suka riuh tul [betul] ramai-ramai tuh [itu] (ketawa).
- FAIZ** : Kerja sebagai apa?
- HJ. ISA** : Sebagai buruh kasar lah (suara), aa meracun, (suara) terbang pokok uma [rumah] tak - - - lah, tapi dia punya mando [komando] dia, ketua dia Cina lah (suara). Bukan orang Melayu, Cina. Hmm, pernah lah kerja tuh [itu], jalan menghala ke Labis tuh [itu], empat [4] dalam [ralat], daripada rumah dalam empat [4] kilometer agaknya. Ha gitu [begitu] lah, (batuk).
- FAIZ** : Tuan Haji pergi sendiri?
- HJ. ISA** : Sendiri, naik basikal. Masing-masing bawak basikal, (bunyi meja bergoyang)
- FAIZ** : Kemudian ermm, berten [ralat], kami akan bertannya berkenaan kerjaya sebagai ketua kampung.
- HJ. ISA** : Haah.

- FAIZ** : Bilakah Haji mula berkhidmat sebagai ketua Felda Medoi?
- HJ. ISA** : Oo, ketua Felda Medoi saya mula berkhidmat dua [2] kosong [0] kosong [0] tiga [3]. kosong [0] kosong [0] tiga [3] sampai sekarang. Hm, belum berhenti lagi, sekarang dah dua ribu tujuh belas kan [2017]?. Ha belum berhenti lagi sampai sekarang lah. Ha sekarang, kosong [0] tiga [3]... .
- FAIZ** : Boleh tuan Haji kongsi bagaimana Tuan Haji di lantik sebagai ketua di (suara mencelah) Felda Medoi.
- HJ. ISA** : Ketua kampung ni [ini], err masa temuduga di pejabat daerah ada tiga [3] orang, penama. Tiga [3], jadi saya, err termasuk saya lah. Mula asal saya memang tak nak pegi, ketua kampung. Saya duduk umah [rumah] sini lah, ha, dah pukul lapan setengah pagi [8.30 a.m], dia punya jemputan dia pukul sembilan [9.00 a.m]. Tapi kawan-kawan datang dua [2] tiga [3] orang kata "pegila,pegila" [*Pergilah, pergilah*]. Jadi saya terpaksa kena pergi. Pergi temuduga hari tuh hari Jumaat, patut pakai baju melayu, samping kan [samping]. Saya pakai baju biasa je [sahaja], saya pun tak [tidak] tahu kan. Ha, temuduga [berfikir], penemuduga dia depan kita tu [itu] Tuan Coby, sini wakil rakyat, sini pegawai daerah. Ha, jadi, itulah saya mula asalnya tu [itu], di Felda Medoi ni [ini] belum ada ketua kampung, saya *first* [pertama] apa nombor satu [1], *first-time* [*pertama kali*] lah, saya ketua kampung. Ha, sebelum ni [ini] takde [tiada] di jawatan orang Felda, orang Felda, orang Felda kan, dan saya ketua kampung di Felda ni [ini] ada kalau nak kira dah [sudah] teruk sikit lah. (suara) Pejabat daerah panggil kita, Felda panggil kita, ada dua [2]. Kalau kampung saja satu [1], yang daerah je [sahaja] kan. Saya kadang Majlis Daerah mesyuarat, kadang Felda mesyuarat, kadang bertembung (suara), ha tu [itu] cite [cerita] dia. Ada sana [berfikir sejenak], apa tu [itu] Felda punya acara, sini pun ada Daerah punya acara. Banyak saya kadang, tak [tidak] dapat hadir lah kadang lah, jadi bersamaan kan. Ha tu [itu] Felda punya lah, ketua kampung Felda ni [ini]. Saya - - - tuk [untuk] Felda, dan di Felda ni [ini] dia ada (berfikir), kalau bukan Felda... ketua kampung dia akan anam JKKR. Jawatankuasa Kemajuan Rancangan [JKKR], apabila mesyuarat keseluruhan semua sekali badan-badan, polis, guru besar apa semua kan, JKKR ni [ini] pengurus dia punya fungsi dia. Pengurus akan cakap (suara), JKKK ni [ini] saya, pengurus duk [duduk] sebelah. Ha, macam ni [ini] program yang baru-baru ni [ini] ada tukar pengurus baru dia kata, "saya kalau Tok tak

[tidak] jemput pun takpe [tidak mengapa] lah” kata dia “saya tak [tidak] kecik hati”. Pasa sana di Palung 9, dia JKKR, apabli mesyuarat, dia menjalankan mesyuarat. Ha, sini kampung, JKKK saya lah, Temerlah pun, Felda Chempelak pun, Tenang, Bukit - - -, aa, Seledang Seri Jaya, semua JKKK. Haa, jadi dia apabila jalankan mesyuarat dalam mesyuarat bulanan ke - - - apa tu [itu] kan, aa pengerusi JKK akan menjalankan mesyuarat. Itulah namanya, teruk sikit lah, yang, aa, JKKK ni [ini], pasal dia dua [2], kadang suratnya sampai, Felda pun sampai (suara), dah bertembung, waa, mana satu [1] nak [hendak] pegi [pergi]. Tu [itu] la, dan ketua kampung, hmm macam tu [itu] la (suara).

FAIZ : Kemudian apakah pengalaman yang paling diingati masa menjawat jawatan ketua Felda?

HJ. ISA : Ketua Felda?

FAIZ : Pengalaman yang paling di ingati?

HJ. ISA : Pengalaman apa yang paling diingati, err, pihak Felda beri pada peneroka sorang lima belas ribu [15000] lah. (ketawa) Itu paling ingat, anak lima ribu [5000], anak-anak. Dia bagi anak-anak kan, isteri lima ribu [5000], - - - lima ribu [5000] (suara). Lima belas ribu [15,000] dia bagi, terus (ketawa).

FAIZ : Adakah itu bantuan daripada kerajaan?

HJ. ISA : Ha itu, err sumbangan, ha iye [ya] lah dari Felda lah (suara), ha sumbangan dari Felda lah (suara), dan tahun yang lepas ni [ini] pulak [pula] ni [ini] takde pulak [pula]. Dia bagi lima ribu [5000] saje [sahaja]. Ha, tapi ada lima [5] enam [6] - - - dia dah [sudah] bagi kan (suara). Jadi dah [sudah] tolak kat [dekat] situ lah. Jadi tak [tidak] sampai sepuluh ribu [10,000], lima [5] saje [sahaje], ha Felda punya, hmm. Itupun sape [siapa] yang bersama-sama dengan Felda (suara). Kalau diorang [mereka] buat sendiri, kebun apa sendiri, dia takde [tidak ada] tak [tidak] dapat duit tu [itu] (suara). Ni [ini] sekarang tengah dibincangkan balik, pengerusi Felda yang baru ni [ini], Dato' Sharil Samad tu [itu] kan, tengah nak betulkan balik (suara). Ha, sini pun ada yang tak ikut Felda, buat sendiri, jadi yang lima [5] bagi tuh [itu], tak [tidak] dapat lah kat [dekat] dia. Hmm, takkan dapat. Pasa - - - tak [tidak] hantar ke pihak Felda. Dia

sepatutnya hantar ke pihak Felda, ha baru dia bole buat... pejabat ada kira-kira kan. Kalau takde [tiada], takde [tiada] lah. Tak [tidak] boleh buat apa-apa. Ha, hmm.

FAIZ : Apakah pencapaian tertinggi yang pernah Haji dapat semasa menjadi ketua kampung? (bunyi gegaran dari telefon bimbit) (bunyi telefon berdering)

FAIZ : Rakaman ini di berhentikan seketika atas sebab tuan Haji ingin menjawab panggilan dan akan bersambung seketika nanti.

Rakaman di berhentikan seketika

Rakaman di sambung semula

FAIZ : Berikut adalah sambungan wawancara berkaitan dengan kerjaya sebagai ketua Felda Medoi.

FAIZ : Soalan seterusnya, apakah pencapaian tertinggi yang pernah Haji dapat semasa menjadi Ketua kampung[ralat], ketua Felda?

HJ. ISA : Aa (berfikir), takdelah [tiadalah] yang tinggi pencapaian yang dia bagi, pingat PIS, pingat PIS dua [2], Sultan Johor punya, haha, PIS dua [2] nama dia. Pingat PIS dua [2].

FAIZ : Boleh Tuan Haji terangkan tentang pingat (suara mencelah) tersebut.

HJ. ISA : Pingat, err, Pingat Ismail Sultan, - - - (batuk).

FAIZ : Bagaimana untuk mendapatkan anugerah tersebut?

HJ. ISA : Ooo, itu atas penilaian wakil rakyat la, dia tengok cara kita bekerja macam mana kan, ha, itu atas penilaian wakil rakyat, wakil rakyat yang beri kita tu [itu]. Dia beritahu dulu kan. Dan kita... err, saya amik pingat tuh [itu] di Segamat.

Rumah saya PIS dua [2] juga, tapi dia di Johor Bharu, dan yang beri saya pingat tu [itu], yang nyampaikan masa tu [itu] sultan ni Tengku Mahkota Johor. Ibrahim Is... apa eh? Bin Iskandar. Haa, masa tu [itu] lah. (batuk)

FAIZ : Adakah Haji pernah memegang apa-apa jawatan selain dari ketua Felda?

HJ. ISA : Ketua Felda, lain-lain jawatan, ada-ada dalam badan keclk-kecik [kecil-kecil] lain takde [tiada] la. Takde-takde [tiada-tiada].

FAIZ : Jawatan kecil-kecil sahaja lah?

HJ. ISA : Haah, kecil-kecil sahaja.

FAIZ : Berapa lama Haji telah berkhidmat sebagai ketua Felda?

HJ. ISA : Ketua Felda, ketua Felda, Ketua kampung lah an[kan]?(suara) Pengerusi JKKK (suara), Haah, dua [2] kosong [0] (berfikir)... sembilan tahun. Dah sembilan tahun, eh! Sembilan tahun?. - - -, err, dua [2] kosong [0] tiga [3] (berfikir sejenak), err, enam belas tahun ke berapa. Begitula daripada nu [itu], daripada dua [2] kosong [0] tiga [3] sampai sekarang. Aa, belas tahun saya ingat tuh. (bunyi meja)

FAIZ : Daripada tahun bila?

HJ. ISA : Dua [2] kosong [0] kosong [0] tiga [3] (suara). Pengerusi JKKK - - - .

FAIZ : Berapa buah kampung dan, atau taman di bawah penjagaan tuan Haji?

HJ. ISA : Aa, Felda medoi ni satu saje [sahaja], Felda Medoi, contohnya kalau Kampung Jawa, aa, ada banyak kampung la, taman-taman semua kan, Felda Medoi takde [tiada]. Hanya satu Saje. Felda Medoi saje[sahaja]. (batuk)

FAIZ : Sebelum menjadi seba...(bunyi batuk), sebagai ketua kampung adakah Haji memegang apa-apa jawatan dalam jawatan kuasa di Kampung ini. (batuk)

- HJ. ISA** : Jawatan kuasa ni (batuk) [berfikir], takde [tiada] cuma ketua UMNO cawangan saje [sahaja].
- FAIZ** : Ketua UMNO cawangan?
- HJ. ISA** : Ha, ketua UMNO cawangan.
- FAIZ** : Boleh Tuan ceritakan lebih lanjut? (suara) Tentang ketua cawangan UMNO.
- HJ. ISA** : Ketua UMNO cawangan, UMNO ni [ini], saya pernah, err, menjaga tiga [3] kali pilihanraya lah, lima [5] tiap... , bermakna lima belas [15] tahun lah. Tiap [setiap] pilihanraya tuh [itu], haa, kita kena, bekerja lah kuat untuk pilihanraya. Ha itu je [sahaja] pengalaman saya yang ada, yang lain, tak... takde [tiada] apa lah majlis-majlis, banyak-banyak - - - macam-macam lah. Dulu tuh [itu], Hertoyo kadang bot datang sini, semua negeri, adalah tu [itu], majlis yang besar-besar tu [itu]. ha, saya pi [pergi] lah. Jadi saya se... tiga [3] penggal tinggal, dalam UMNO cawangan. Pilihanraya tiga [3] penggal. (batuk)
- FAIZ** : Kemudian bagaimanakah Haji boleh dipilih sebagai ketua kampung?
- HJ. ISA** : Ketua Kampung ni [ini] kita, err dia hanto [hantar]... , ada borang, hanto [hantar] ke pejabat daerah. Pencalonan lah, lepastu [selepas itu] temuduga, lepas [selepas] temuduga, ha keputusan, sape [siapa] yang dapat dalam tiga [3], err keputusan tu [itu] kan. Sape [siapa] yang berjaya dia bagitau [beritahu] lah begitu saje [sahaja]. Ha ketua kampung.
- FAIZ** : Boleh Haji ceritakan pengalaman ketika bertemuduga?
- HJ. ISA** : Temuduga?
- FAIZ** : Sebagai ketua kampung?
- HJ. ISA** : Aaa [berfikir], temuduga ketua kampung tuh [itu], depan kita tuh [itu] ada tuan - - - , dia ada Quran depan, pastu [selepas itu] dia bukak, kadang-kadang dia

suruh kita baca lah. Ha, lepastu [selepas itu] yang sini soal asal pada mana, pegawai daerah tuh [itu] kan, - - - begitu, yang Kodi, tuan Kodi tuh [itu] dia akan tanya, dia kata, "*Boleh baca Quran?, kalau boleh cakaplah boleh*", Ha nanti dia akan bukak [buka] skit [sedikit] suruh baca. Err, lepastu [selepas itu], "*Boleh baca doa?*" dia kata, (ketawa). Saya waktu temuduga saya kata "*Tak [tidak] boleh tuan, doa kontot-kontot [pendek-pendek] tahu lah*" saya kata. "*Cuba baca?*" dia kata, saya pun baca doa selamat je [sahaja] kan. Haa, baca doa Selamat, haa okay lah kata dia. Lepastu [selepas itu] dia suruh baca fatihah [Al-Fatihah], bacalah, ha kita bacalah mana boleh kan, hmm kalau salah, kata dia salahlah. Yang pegawai daerah ni [ini] dia tanya asal daripada mana, ha asal orang mana kan, yang sini dia tanya [berfikir], sapa [siapa] sorang [seorang] lagi, aaa, tanya menteri, haa sapa [siapa] nama timbalan perdana menteri, (bunyi meja) perdana menteri, macam-macam tuh [itu] soalan menteri punya. Tuh je [itu sahaja] lah pengalaman saya (bunyi tepukan) (ketawa) (batuk).

FAIZ : Selain daripada tuan Haji berapa (batuk) ramai lagi yang hadir untuk ke temuduga?

HJ. ISA : (batuk) Lain daripada saya ramai, lain-lain kampung lah, saya ingat dalam sepuluh [10] lima belas [15] orang, ada sangat, tapi lain kampung lah, aaa, daripada Medoi ni [ini] katakan tiga, ada kampung lain, kampung lain lagi. Dia bergilirilah. Bergilir naik, dia panggil satu [1] satu [1] satu [1], macam tu [itu] lah.

FAIZ : Antara yang datang untuk ke temuduga, siapa... , aaa daripada golongan mana?

HJ. ISA : Golongan, ermm, orang-orang kampung lah, dia... , tapi sekarang tak [tidak] kira dah, kalau dulu dia yang menetap kampung tu [itu]. Skang [sekarang] orang luar pun, Batu Pahat dah pindah ke Segamat, duduk sini , dia dah boleh jadi pengerusi JKK Ketua kampung. Sekarang dah [sudah] boleh, pasal rumah dia pun kat [dekat] situ. Contohnya macam kampung - - - Rimau tuh [itu], dia orang Batu Pahat, tapi dia dah berpencen Risda, dia duduk rumah situ, dia dah [itu] bergaul dalam kampung tuh [itu] kan, kira dibolehkan lah, skang [sekarang]... , boleh. Ha kerajaan amik [ambil], macam tulah [itulah], dibolehkan lah. Dia ada pengalaman ke apa kan, ha contohnya macam tuh [itu] lah, ha kalau ikutkan macam tuh [itu]. Macam saya ni [ini] Felda, memang

betul saya peneroka Felda, ha memang dah [sudah] sah punya, peneroka Felda, ha, itu je [sahaja] la. Ha.

FAIZ : Untuk menyandang jawatan Ketua kampung (suara), adakah terdapat sebarang kelayakan yang perlu di ambil kira?

HJ. ISA : hmm, kelayakan dia, kalau sepatutnya, kalau dia... , dulu la kan, ada sijil-sijil khas apa kan. Tapi skang [sekarang] tak [tidak] tahu pulak kan. Saya cuma sijil belia, kursus-kursus kerja dulu kan, saya bawak [bawa] itu je [sahaja] lah. Haa, lain-lain takde [tiada] lah. (batuk)

FAIZ : haa, Haji merupakan ketua kampung yang ke berapa untuk kampung ini?

HJ. ISA : Yang pertama, haah. Haa, kalau ikutkan masa, biasanya enam puluh lima [65] taon [tahun], dia dah [sudah] berhenti dah [sudah]. Ha tuh [itu] saya dah [sudah] enam puluh sembilan [69]. Pasal hari tu [itu] enam puluh lima [65] nak berhenti, PM [perdana menteri] dia kata, err dia sambung balik. Ketua kampung ni [ini], dia sambung, ha kita je [sahaja] sampai sekarang, taktu [tidak tahu] sampai bila, kata sampai tujuh puluh [70], tak [tidak] tahu lah, setahun lagi ke dua [2] tahun kan. Ha, saya punya ni [ini]. PAsal kawan saya dah berhenti enam puluh lima [65], dah berhenti, dah berhenti, patutnya giliran [gilirannya] saya, habis PM [perdana menteri] bangun (ketawa) cakap dia kata, "teruskan", ha saya sambung balik je [sahaja] lah. Itu je [sahaja], tunggu masa je [sahaja] lah, tak [tidak] tahu bila berhenti, tak [tidak] tahu lagi. (ketawa)

FAIZ : Jadi apa perasaan Tuan Haji ketika sambung balik kerjaya sebagai ketua kampung (suara mencelah)?

HJ. ISA : Ketua kampung? (sambil mencelah). Ha, takde [tiada] pape [apa-apa], gembira pun ada jugak lah, dia sambung tuh kan. Kalau ikutkan masa saya dah mohon nak berhenti. Tapi kata penghulu, borang berhenti takde [tiada] lagi dia kata, awak teruskan dia kata, itu saje [sahaja] lah (ketawa).

FAIZ : Boleh nyatakan sebab-sebab mengapa tuan Haji ingin berhenti menjadi ketua kampung?

HJ. ISA : Pasal saya, ingin berhenti tuh [itu], saya dah macam kurang sihat lah, mata pun dah anu [rabun] sikit kan. Kena penyakit kencing manis pula kan. Ha, tuh saya rasa nak berhenti. Ha tapi tidak dibolehkan, saya terpaksa kena tunggu lah. Sampai ada pengganti, ha ni [ini] dia orang pengganti, baru saya berhenti. --- cara dia. Saya pun dah tawarkan budak-budak ni, sapa [siapa] yang berhajat, suma [semua] yang minat ketua kampung ni [ini], awak amik borang isi semua, nanti saya boleh tolong recommend [syorkan] lah sikit, haa. Tapi masing-masing tak [tidak] sanggup lagi, takde [tiada] sampai sekarang, takde [tiada] orang, tapi nanti tiba masanya lah kalau saya nak berhenti juga, saya terpaksa kena tunjuk lah orang ni [ini] apa tuh [itu] kan, macam tuh [itu] la. (batuk)

FAIZ : Antara calon-calon yang tuan Haji pilih bagaimanakan kriteria calon yang sesuai untuk menjadi ketua kampung?

HJ. ISA : Dia bekerja nak [hendak] baik lah, jujur kan, lepastuh [selepas itu] dia pun berkebolehan, boleh bercakap, dan sebagainya, dan kalau ada apa-apa, err tekanan dari kampung ni [ini] kan. Dia boleh jawab lah, dan itu yang, err, akhinya dia nak kena sabar lah banyak, tak [tidak] boleh marah-marah sangat. Ha kena bersabar selaku ketua kan. Kalau kita ikutkan dia marah, kita pun marah, tokleh [tidak boleh], err pasal, err menteri besar dulu pun masa Ghani, apa Ghani Osman, ha masa tuh. Ketua kampung mesti ada kamera satu [1]. Apabila berlaku je [sahaje] rumah ke kemalangan ke, awak kena ambik gambar. Siap je [sahaje] ketua kampung kena amik gambar. Eh, pertengahan siap pastu siap, mesti nak ada, kamera. Saya dah [sudah] beli tiga [3] kali kamera, terhempas semua habis pasal kamera saya pun rosak belum beli lagi. Tapi saya kata nak [hendak] berhenti, nak [hendak] berhenti, saya biarkan aje [sahaja], pun tak [tidak] boleh, kena amik [ambil] gambar. Kena sabo [sabar] lah itu, kareer ketua kampung ni [ini] memang... ,yang ke dua [2] nya [berfikir], err doa, haa kena bacalah. Dia kena mesti kena tahu, haa. Apabila takde [tiada] orang suma dalam majlis tuh kan, dia tunjuk ketua kampung je [sahaja], suruh baca doa, apa-apa kan, ha sudah. Jadi kita kena je [sahaja] lah, itu je [sahaja]. Saya tak pandai, tapi pengalaman saya reti [pandai] sikit-sikit kan, ha. Jadi skang [sekarang] ada majlis apa je [sahaja] orang kata, saya ketua kampung tak [tidak] lain, saya baca je [sahaja] lah apa yang jadi (ketawa). saya cakap begitu lah --- (ketawa).

- FAIZ** : Adakah haji memang bercita-cita untuk menjadi ket. ketua kampung?
- HJ. ISA** : Takde [tiada], tiada (ketawa), takde [tiada] cita-cita.hmm.
- FAIZ** : Jadi bagaimana perasaan tuan haji ketika menjadi sebagai ketua kampung (suara mencelah) Felda ini?
- HJ. ISA** : haa (sambil mencelah), saya kena terima lah jugak, selepas tuh [itu] dia suruh buat pelantikan, setiausaha bendahari, ajk kan jawatankuasa. Saya pun lantik lah. Apa benda nih saya panggil, kuasa saya semua. Saya lantik je, bila adakan mesyuarat, nampaknya dalam jawatankuasa tuh kan, dia semua beri, apa nih [ini], sokongan - - - kan, haa saya jadi lah, itu je [sahaja] dia, takde [tiada] pape [apa-apa]. Saya lantik. Skang [sekarang] kalau orang ni [ini] nak berhenti. Saya ada kuasa melantik dia. Haa melantik macam tuh [itu] lah, ha ketua kampung.
- FAIZ** : Hmm. Antara jawatan-jawatan kuasa di kampun Felda ini, adakah hanya terdiri daripada golongan lelaki ataupun campur?
- HJ. ISA** : Campur, laki-laki [lelaki], aa dia mula-mula, err ketua pondok polis, satu [1], err, klinik desa, rela, polis, guru besar sekolah kebangsaan, guru besar sekolah igama [agama], apa badan suma kita masuk dalam jawatankuasa JKKK tu. Haa tuh cara dia, tak [tidak] boleh tinggal. Kita mesyuarat je [sahaja] polis ada, klinik desa ada, rela ada, suma [semua] ada lah, ya macam tuh [itu] (batuk) (bunyi selakan kertas) (batuk).
- FAIZ** : Apa yang mendorong untuk menyandang dan menerima jawatan sebagai ketua kampung?
- HJ. ISA** : Takde [tiada] apa-apa dorongan lah cuma dorongan daripada kawan-kawan je [sahaja] lah, haa, awak boleh lah kata, awak boleh lah, itu je, dorongan lain takde [tiada] apa. (ketawa)
- FAIZ** : Selain daripada... dorongan daripada rakan-rakan (suara), adakah sokongan daripada yang lain?
- HJ. ISA** : Yang lain?, aa takde [tiada] lah, rakan-rakan je [sahaja] la. Hmm.

- FAIZ** : **Bagaimana dengan ibu bapa tuan haji?**
- HJ. ISA** : Ibu bapa saya pun, tengok macam menyokong juga, pasal dulu bapak saya pun ketua kampung, haa, dia suruh jaga lah, asas tiga kampung tu [itu] jaga ni [ini] jaga orang ramai jaga, ha macam tu [itu] dia cakap, bagi semangat macam tuh [itu] lah. Ha. (bunyi meja)
- FAIZ** : **Bagaimana pula dengan anak-anak tuan haji?**
- HJ. ISA** : Anak-anak saya pun takde [tiada] papew [apa-apa] lah, macam dia nyokong [sokong] juga lah, haa, anak saya pun takde [tiada] pape [apa-apa].
- FAIZ** : **Adakah ahli keluarga haji ada yang menjadi ketua kampung? (suara) atau memegang apa-apa jawatan dalam jawatankuasa kampung?**
- HJ. ISA** : Ketua kampung, dalam keluarga yang terbesar tuh [itu] ada juga, ada.
- FAIZ** : **Boleh tuan Haji ceritakan, tentang jawatan yang disandang oleh ahli keluarga haji (suara mencelah)?**
- HJ. ISA** : Ahli keluarga tu [itu] (sambil mencelah, ha, tapi saya rasa yang ada tu [itu] dah [sudah], dah [sudah] bersara lah, dah [sudah] berhenti banyak lah. Saya yang kira termuda sikit lah. Yang lain-lain ketua kampung tuh saya ingat, dah [sudah] berhenti lah, banyak dah [sudah] berhenti dah [sudah], ada dia dah [sudah] berhenti dah [sudah].
- FAIZ** : **Kebiasaanya, (suara) berapa lamakah tempoh bagi seseorang itu untuk memegang jawatan atau berkhidmat sebagai ketua kampung?**
- HJ. ISA** : Dia pada umur lima puluh [50] ke ataupun empat puluh [40] lebih ke, dia sampai hanya enam puluh lima [65], kalau dulu [dahulu] lah, enam puluh [60]

tahun dia akan berhenti, aa tapi sekarang dah [sudah] terlebih (ketawa) dah [sudah], saya dah [sudah] enam puluh sembilan dah [sudah]. Haa dulu lah enam puluh lima [65] saje, haa yang lepas-lepas banyak enam puluh lima [65] banyak berhenti dah [sudah].

FAIZ : Bolehkah haji ceritakan secara ringkas peranan yang di mainkan oleh ketua kampung dan apa bidang kuasanya?

HJ. ISA : Ooo, ketua kampung yang penting sekali mengadakan mesyuarat lah dalam dua [2] bulan atau tiga [3] bulan sekali, mesyuarat JKKK, lepastu [selepas itu] saya ni [ini] kena menandatangani ataupun mengeluarkan satu surat akuan bujang, kalau diorang [mereka] nak, bemikah kan, ha kena bagi surat akuan bujang, dia tentu kena mintak [minta] dengan ketua kampung, nama dia surat akuan bujang lah, ha kena buat, itu saje [sahaja] lah, lepastu lain-lain, err masalah kalau apa-apa, masalh ni [ini], peneroka-peneroka yang masalah kebun dan sebagainya pun kena saya terangkan juga lah. Haa, di Felda Medoi, Felda ni [ini] kalau mati mak, dia ber alih pada bapak dia, kalau bapak dia meninggal dapat mak dia punya harta tuh [itu] kan, err hasil tuh [itu]. Kalau dia meninggal dua-dua, anak-anak kalau lima-lima buat bicara kuasa, kena lantik sorang [seorang] pentadbir, ha jadi anak dia yang mulakan lah, jangan banyak citer [cerita], dia segala kewangan hasil apa semua pada dia, lepas tuh [selepas itu] biasanya, aa dalam cukup tahun dia bahagi pada adik-beradik, kalau kata seribu-seribu kan, contoh kalau orang rumah saya, orang rumah saya pentadbir dulu, adik-beradik dia ada enam haa, dia simpan duit semua, pendapatan, cukup je [sahaja] raya dia panggil, ok dia bagi, itu yang betul, pentadbir (bunyi meja), tapi ada juga yang kadang-kadang tak [tidak] betul, pasal apa, kadang-kadang bila mak bapak meninggal anak bekerja kebun, dia hasil dia amik [ambil] sendiri, dia jual sendiri kan, mak tak [tidak] bagi, ada jugak menangis datang uma [rumah] saya, haung (suara menangis), kenapa saya kata, duit takde [tiada] dia kata, aa anak yang menjaga kebun, hasil dia amik [ambil] sendiri sepatut anak tu pergi hantar PMG, Pusat Mengumpul Getah di Felda ni, awak pergi hantar PMG, kebun bapak mak awak, kalau harga tiga [3] ringgit, awak punya amik singgit [seringgit] setengah je [sahaja], yang saya punya simpan sana, untuk pendapatan gaji, jadi anak ni [ini] dia dah [sudah] amik semua, dia jual semua habis ha takde, mak tak [tidak] dapat duit la, banyak berlaku macam tuh. Ha, Felda, cara mcam tuh, itu je yang, yang susah sikit, anak ni [ini], banyak berlaku, bukannya Medoi je, banyak tempat lah, kalau dia gunakan pentadbir, macam orang rumah saya pentadbir kan dia pompuan, dia ada dua [2] laki-laki [lelaki], laki-laki [lelaki] dua [2] tu pun, dia pegawai besar juga, ha tapi [tetapi] dia masalah kewangan tak [tidak]

jaga tak [tidak] kena kan, serahkan dia, ha jadi kalau ada duit dia kumpul je nak [hendak] raya je [sahaja] dia akan bagi. Ha, tu nama pentadbir, kalau Penama, kebun ni [ini] akan jadi penama dia sorang [seorang] adik-beradik, kalau ada lima [5] dah penama, empat [4] takde kena-mengena lah, ha gran dah tukor [tukar] semua, jadi apabila dia gran tuh dia gunakan buat pinjaman rumah kan, bila, bila dia meninggal aje [sahaja], dia beralih pada anak atau isteri dia, adik-beradik takde [tiada] lagi. Kalau pentadbir boleh pakai, namanya pentadbir, penama tak boleh. Yang keduanya penama pun dia boleh err, bayar, nilai kebun-kebun beribu dia bahagi adik-beradik, kalau lima [5] beradik, ha bayar berapa, sepuluh [10], dua puluh [20], dua puluh [20], dua puluh [20], kay [okay] dia punya lah, saya punya. Haa, itu boleh, tapi jarang lah buat macam tuh [itu], ada jugak [juga] (batuk).

FAIZ : kemudian bolehkah haji ceritakan secara ringkas peranan yang dimainkan oleh ketua kampung dan apa bidang kuasanya?

HJ. ISA : Ha, ketua kampung ni, tu tadi lah, yang pertama mesyuarat lepastu majlis-majlis tuh kalau atas, err pengolaan JKKK ketua kampung, kita kena beri ucapan lah pada majlis tuh. Ha lepas tuh, lain-lain acara yang ada majlis dekat Felda ni kita turut hadir lah, ha kena turut hadir sama, tuh peranan dia tuh.

FAIZ : Adakah haji mengekalkan cara pentadbiran kampung seperti sebelumnya (suara), atau haji ada melakukakn perubahan? Jika ada sila nyatakan.

HJ. ISA : Ha, perubahan dia kadang-kadang pada setiausaha, kalau setiausaha tuh [itu] dia bagus kan, err dia cantik lah, minit apa suma memang cantik, jadi saya ni [ini] dapat yang, ini setiausaha yang ketiga lah ni [ini], pandai buat kerja. Dia pencen daripada Risda, minit dia, macam hari tu [itu] nak buat perjumpaan pengurus baru kan, dia dah sediakan kertas, perjumpaan tuh kan, dia sebut la tuh, orang ni [ini] jawatan ni [ini], badan apa ada kan, cantik, dia pada setiausaha lah, kalau setiausaha tuh [itu] dia garanteep [dijamin] kan, cantik lah, dia punya JKKK kampung tuh. Hmm.

FAIZ : Adakah Haji dibantu oleh penolong ataupun ahli jawatankuasa (suara mencelah) dalam melaksanakan tugas sebagai ketua kampung?

HJ. ISA : Dia (sambil mencelah), ooo dibantu oleh jawatankuasa, penuh memang dibantu, ha ketua kampung takde [tiada] penolong, kalau takde [tiada] saya,

setiasaha, ha, tapi dia bantu lah sama-sama, baik, Felda Medoi lah, selama saya kat sini lah, sebelum berhenti ni [ini], kerjasama baik semua, bagus.

FAIZ : Boleh ketua kampung ceritakan lagi tentang jawatankuasa yang ada di dalam kawasan kampung?

HJ. ISA : Ha, jawatankuasa ni [ini] dia err, di lantik, sini Medoi ada lima belas [15] blok, jadi ketua kaa... , jawatankuasa dia tuh, err semua blok lah, yang lima belas [15] tuh [itu], lepas ketua blok lima belas tuh [itu], kita lantik biro-biro pulak, biro-biro kecerian kampung, biro ladang, ha dia ada biro-biro lah, ha, macam tuh err, kita lantik orang - - - , err, mereka yang lantik tu [itu] pun AJK tyuh pun dia merangkap sekali , err, ketua blok, mcam ni [ini] blok ni [ini] satu, lima [5] blok, lima belas [15] orang lah, tuh [itu] ketua blok, pastu ada nama dia yang besar sikit pengerusi JPW, wanita punya, dia pun jawatankuasa juga, dia amik blok-blok juga, ha kalau kita campurkan tuh, lima belas [15] lima belas [15] dah tiga puluh [30] kan, ha pastu [selepas itu] polis, Rela semua kita panggil dalam semua mesyuarat. Itu je [sahaja] lah.

FAIZ : Tuan Haji boleh, ermm, terangkan , apa tugas-tugas sebagai jawatankuasa?

HJ. ISA : Jawatankuasa ni [ini]?

FAIZ : Tugas-tugas.

HJ. ISA : Tugas-tugas jawatankuasa ni [ini] dia kalau dia, pengerusi biro, pengerusi biro dia kena jalankan tugas biro lah, contohnya kalau biro ladang, dia kena tengok lah ladang ni [ini], bersih tak [tidak] bersih, berapa yang rosak berapa kan. Ha itu biro ladang, biro kecerian kampung ni [ini], tugas-tugas dia, ha ni, kebersihan kampung ni [ini] lah, pokok potong semua, ha dia kena jaga tuh lah, apabila mesyuarat, kita akan tanya, apa masalah biro kecerian kampung, apa masalah biro ladang, macam tuh [itu] lah, haa tuh kerja-kerja dia lah tugas-tugas dia tuh, ha tapi, exco n [in]i begitu juga, dia lepas jawatankuasa ada biro, pastu kita lantik exco pulak, haa exco pendidikan apa semua kan, bnyak juga lah, untuk anak-anak peneroka yang dah... , kadang yang dah [sudah] berpencen pun ada tuh [itu], hmm, dia kerja dengan saya, tuh exco dia. Itu tugas dia lah, macam tuh, (batuk).

- FAIZ** : Boleh tuan Haji ceritakan lagi tentang jawatankuasa, ketua blok?
- HJ. ISA** : Ketua blok, ketua blok ni [ini], satu blok ni [ini] setiap satu blok, lima belas [15] blok dia mengandungi, satu [1] blok tuh dalam dua puluh [20] lebih peneroka, satu [1] blok tuh, Ha, jadi yang lain- lain pula, dua puluh [20] lebih dua [2] lebih macam tuh lah, ha, tugas dia kena tengok lah blok dia , kalau ada ooo, perparitan ke apa ke, semua yang tak [tidak] bersih apa semua kan, dia kena buat aduan pada kita lah dalam mesyuarat tuh [itu]. Dia mengadu kepada pengerusi JKK, pada kita bincang lah, mana yang boleh kita kerjakan, kita sewa GCB dan sebagainya, kita pergi tempat tuh [itu] lah, kita bersihkan, kalau pokok besar sangat kan, ha tumbang bahaya ke, kita akan tebang lah, itu pada pandangan semua ketua-ketua blok lah, ha kita ambik pandangan dia, kalau kita kata perlu, kita buat, itu je [sahaja] lah, tugas-tugas dia.
- FAIZ** : Adakah haji dibantu oleh penolong ataupun ahli jawatankuasa dalam melaksanakan tugas sebagai ketua kampung.
- HJ. ISA** : Ha, yang membantu saya memang ahli jawatankuasa, haa jawatankuasa lah, jawatankuasa.
- FAIZ** : Kemudian, berapakah ahli jawatankuasa dia bawah Haji?
- HJ. ISA** : Jawatankuasa saya, lima belas [15], tiga puluh [30], dalam tiga puluh lima [35] orang lah semua sekali. Hmm, tiga puluh [30] orang. Sekali mesyuarat tuh [itu], semestinya dalam tiga puluh lima [35] orang paling takde [tiada] pun. Hm
- FAIZ** : Boleh tuan haji menceritakan, aa, ahli jawatan kuasa terdiri daripada golongan apa?
- HJ. ISA** : Haa jawatankuasa terdiri oada peneroka Felda ni [ini] lah, peneroka fol [ralat] Felda dan juga generasi kedua, anak peneroka, macam blok tuh dah [itu sudah] takde [tiada] semua peneroka dah [sudah] meninggal kan, dia kena

lantik sorang [seorang] lah yang, generasi kedua lah, kira muda lagi lah, ha macam tuh lah cara dia.

FAIZ : Kemudian, apakah aktiviti dan program yang sering di jalankan di kampung?

HJ. ISA : Kampung, ha, biasanya sekarang ni [ini] maulud kan, maulidur rasul, aa, kalau ada pertandingan apa nih, pertandingan Quran ke, ha dia akan jalankan, lepastu [selepas itu] kadang blok-blok buat majlis, majlis perjumpaan hari raya ke. Ha, dia akan jemput kita semua lah. dan lain-lain... banyak majlis lagi lah, raya ke, macam... , kadang ada maulud - - - buat, ramailah, ha tuh [itu] aktiviti dia begitu je lah. (batuk)

FAIZ : ermm, adakah, ermmm tuan Haji pernah, mengendallkan program di luar kampung?

HJ. ISA : Luar kampung, takde [tiada], ha dalam kampung je [sahaja], luar takde [tiada]. Macam sini kampung Jawa dah [sudah] ada ketua kampung dia, ha dia lah uruskan tuh, ha yang Medoi, Medoi saja [sahaja].

FAIZ : Bagaimana dengan menyertai program?

HJ. ISA : Ha, program haa, ada juga luar-luar tu [itu], ada, ha tapi di Medoi ni [ini] pernah buat err lima puluh [50] tahun apa, Jubli Emas, ha kita pernah buat lah. Ha pernah buat lah. (batuk)

FAIZ : Adakah aktiviti dan program yang dijalankan mendapat sokongan dan penglibatan daripada penduduk?

HJ. ISA : Hmm, ada, menggalakkan daripada penduduk, dia minat lah, contoh kalau sukan apa kan, memang penuh lah, memang diorang diorang minat , aa sokongan ada, ada.

FAIZ : Sokongan tersebut datang dari generaasi muda atau atau generasi lama?

HJ. ISA : Generasi lama ada, generasi muda pun ada. Dia campur lah tuh. Hmm.

FAIZ : Seterusnya, ceritakan serba sedikit tentang pengalaman manis sepanjang memegang jawatan sebagai ketua kampung?

HJ. ISA : Err, manis dia, Jubli Emas lah yang lima puluh [50] tahun Felda Medoi kan, ha, itu memang cantik lah dia buat, err, itulah yang kenangan manis saya. Ramai, banyak penyokong, pasal orang-orang peneroka yang lama-lama pun dia akan kita adakan satu [1] gambar kan, ha jadi ni [ini] orang lama yang meninggal pun masuk, ha itu yang kenangan manis tuh.

FAIZ : Boleh tuan Haji ceritakan lagi tentang lima puluh tahun jubli emas itu?

HJ. ISA : Err, lima puluh [50] tahun tuh [itu] cuma acara-acara je [sahaja] lah kat [dekat] situ tu [itu], ha acara-acara peneroka yang lama ni [ini], pastu ada err, peneroka-peneroka yang dah meninggal kan, siapa ketua-ketua yang sebelum ni [ini] kan, dah meninggal kita buat kat situ dan juga banyak acara lah, macam acara kita buat lah. Ha semua cara kita buat.

FAIZ : Antara acara-acara yang tuan Haji ingat?

HJ. ISA : Yang ingat, err, itulah yang kenangan manis tuh [itu] yang gambar-gambar yang lama tuh [itu] kan, lepastuh [selepas itu], err acara sukan, haa sukan dan... [berfikir], err, meng... gubahan apa semua wanita, semua lah, campurkan sekali. Itu je [sahaja] acara dia.

FAIZ : Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang telah di lalui?

HJ. ISA : [berfikir] Pahit, Medoi ni [ini], rasa saya takde [tiada] lah, biasa je [sahaja], takde [tiada] pahit apa takde [tiada], hmm.

FAIZ : Hmm, ketika menjawat jawatankuasa sebagai ketua Felda, apakah kesukaran di, pernah dilalui sebagai ketua kampung? Kesukaran.

HJ. ISA : Kesukaran dia, err, masa banjir lah, jalan takde [tiada], dan apabila berlaku banjir di Medoi, putus hubungan, cuma ada di luar sana, dan saya telah minta patut jalan yang luar sana dia, err sampai kolej Tengku Rahman kan, dalam ni

[ini], dia tak tambak lah tanah, patut dia tambak jalan tuh [itu] kan dia tinggi , kita sini banjir bagi lepas, dia akan keluar, naik jalan besar, Kolej Tengku Rahman depan tuh [itu]. Aa, tuh cantik tempat tuh, dia tak [tidak] buat lagi lah sampai sekarang, ada saya dah, saya dah maklumkan pada tuh yang berhormat tuh kan , tak [tidak] buat lagi ni [ini] sampai sekarang, hmm.

FAIZ : Aa, tamat tentang kerjaya sebagai ketua kampung, kita bergerak ke sejarah kampung Felda ni [ini]. (suara) Bolehkan Haji ceritakan sejarah awal Felda Medoi?

HJ. ISA : Hmm, awal Felda Medoi ni [ini], saya sampai tahun lapan puluh [80] kan, sebelum tuh [itu] dah ada orang lebih awal pada saya, sejarah dia saya tak [tidak] berapa tahu sangat lah yang lepas-lepas tuh. Saya cuma setakat tahun lapan puluh je [sahaja] tahu, dan juga nama Felda Medoi ni [ini], katanya dulu memang dia ada satu orang asli Telok Batin nama dia Tok Medoi, yang tuh [itu] dinamakan Medoi, itulah dia yang saya tahu sejarah dia, ha lain tak [tidak] tahu lah, tak [tidak] tahu. Hm.

FAIZ : Pada tahun bilakah kampung ini diwujudkan?

HJ. ISA : Tahun, enam puluh tiga [63], seribu sembilan ratus enam puluh tiga [1963], ha pasal saya ingat tuh bapak saya Chempelak tuh seribu seratus enam puluh empat. Saya pindah ke Chempelak dua puluh dua bulan tujuh seribu seratus enam puluh empat. Tuh umur saya sepuluh tahun, sebelas tahun macam tuh lah. (batuk) Medoi enam puluh tiga diwujudkan, pastu saya sampai lapan puluh , dah lama tuh (ketawa).

FAIZ : Ermm, siapakah yang bertanggungjawab membuka Felda Medoi?

HJ. ISA : Pihak Felda lah, pihak Felda, kakitangan Felda semua - - - , lepas tuh baru dimasukkan peneroka, ha, tapi yang buat tuh Felda lah dulu, dulu punya. (batuk).

FAIZ : Mengapakah, kampung ini di namakan Felda medoi?

HJ. ISA : Ha, Felda medoi, itulah tadi, katanya, asalnya, saya tanya tadi memang orang apa ni [ini], orang asli nama Tok Medoi, jadi dia namakan Medoi, itu sahaja lah, ha dia ada di sini lah masa tuh agaknya, dia dulu.

FAIZ : Siapakah yang memberikan nama Felda Medoi?

HJ. ISA : Aaa, itu saya saya tak [tidak] pasti, pasal tuh orang dulu daripada saya kan, saya pun tak [tidak] tanya siapa yang beri nama tuh [itu], ha itu lah dia, tuh [itu] saya tak [tidak] pasti tak [tidak] tahu. Hmm.

FAIZ : Kemudlan adakah kampung Ini mempunyai nama lain selain Felda Medoi?

HJ. ISA : Takde [tiada], tuh [itu] saje, satu [1] je [sahaja], Felda Medoi (suara), hmm.

FAIZ : Adakah kampung ini menyimpan apa-apa sejarah atau mitos? Jika ada sila ceritakan.

HJ. ISA : (suara) (bunyi pergerakan) (bunyi selakan kertas) , sejarah, sejarah dia takde [tiada], cuma saya ada dengar-dengar lah kata dekat, dekat sungai sana kan, dia ada bunyi macam bom tau [tahu], kalau bom tuh [itu] meletop, akan berlaku banjir, ha itu yang saya tahu lah, ada orang cerita, dia mesti ada bunyi, ha bunyi poww. Macam bom kan, lepastu [selepas itu] dia akan berlaku banjir, orang sini citer [cerita] lah macam tuh, ha lain takde [tiada] apa, takde [tiada] apa. (batuk).

FAIZ : Siapakah penduduk awal Felda Medoi?

HJ. ISA : Haa, tak [tidak] pasti saya, kalau ikutkan Felda Medoi, yang awalnya peneroka peringkat pertama lah, saya ni [ini] peringkat kedua [2] tahun lapan puluh [80], yang seribu seratus sembilan puluh tiga [1983] ni dia dah [sudah] awal. Ha tu [itu] peneroka yang lama lah tuh. Sebelum tuh saya tak [tidak] tahu lah. Haa. Saya tahun lapan puluh [80] seramai blok tiga belas [13], empat belas [14], lima belas [15], tujuh puluh tiga [73] orang, haa, peringkat dua [2] ni ada tiga [3] blok. Blok tiga belas [13], empat belas [14], lima belas [15], yang dulu dah ada, kita tambah sahaja, haa, tiga [3], tiga [3] belas hujung sana, blok

empat belas [14] tengah tuh, ha ni blok lima belas [15] sekarang di sini, sampai hujung sana.

FAIZ : Pada awal pembukaan Felda ini, majoriti penduduk di sini berasal dari mana?

HJ. ISA : Merata-rata tempat lah, pada Muar ada Segamat ada, Batu Pahat ada, ha asal dia lah, Pontian mana, semua ada lah. Hmm.

FAIZ : Apakah kegiatan utama orang di kampung ini pada awal kedatangan mereka ke sini?

HJ. ISA : Yang pertama, dia bekerja dengan Felda untuk membuat kebun, pastu [selepas itu] Felda bagi dia gaji lah, berapa ringgit, dua [2] ringgit sembilan puluh [90] sen tak [tidak] silap dulu lah, ha dia bekerja, err, selepas pokok getah tuh [itu] dah besar semua, baru dia serahkan orang yang peneroka tuh [itu], saya duduk permulaan Felda kasi [beri] saya duit, sara hidup lah, sara hidup, untuk, untuk hidup, ha dia kerja lah bersihkan kebun tuh [itu] kan, apabila dah besar pokok getah, ha dia serahkan kat [dekat] Felda, kita sendiri pulak kerja, ha macam tuh [itu], Felda takde [tiada] cuma kita hantar hasil ke Felda, dah [sudah] hantar keluar habis, (ketawa) tak [tidak] masuk Felda itu je [sahaja] lah.

FAIZ : Siapakah yang merasmikan pembukaan Felda Medoi?

HJ. ISA : Ooo, tu saya tak [tidak]... , tak [tidak] pasti pulak dulu, sapa, tapi waktu buat perasmian dulu, Sultan Johor pun pernah datang kata sini, ha orang tua, perasmian, macam-macam, dah dua [2] tiga [3] kali lah. Yang kendian [kemudian] pun Sultan datang jugak Medoi, Ha , ingat sultan, sultan lah ada majlis apa pun, rasa-rasa lah, diorang [mereka] punya citer [cerita], Sultan Johor.

FAIZ : Berapakah keluasan Felda ini ketika, sebelum (suara), sebelum ini?

HJ. ISA: ooo, yang tuh saya tak pasti lah, tuh saya nak cari tadi tak, tak jumpa tuh. Kadang-kadang ada tuh, luas kawasan ni kan. Hmm, saya tak pasti berapa

luas, dengan tiga ratus lebih peneroka tuh kan, sorang sepuluh ekar, sepuluh ekar, hmm haa itulah keluasan dia. Hmm.

FAIZ : Kemudian berapakah anggaran jumlah penduduk di Felda ini semasa ianya mula dibuka?

HJ. ISA : Dibuka, dibuka dalam dua ratus lima puluh [25] orang, saya ni [ini] yang kemudian kan, tapi jumlah sekarang ni [ini] dah tiga ratus tiga puluh satu [331] peneroka lah semua, ha, itu je [sahaja] lah yang ada.

FAIZ : Bagaimana dengan bilangan buah rumah?

HJ. ISA : Bilangan rumah pun tiga puluh [30], tiga ratus tiga puluh [330] buah lah. Ha.

FAIZ : Adakah penduduk di sini terdiri daripada pelbagai kaum?

HJ. ISA : Takde [tiada]. Semua melayu, ha Felda lain adalah, sini takde [tiada], sini suma [semua] melayu.

FAIZ : Boleh nyatakan Felda yang, Felda-Felda yang terdiri pelbagai kaum?

HJ. ISA : Ha di Felda [berfikir], Palong, haa [berfikir], Palong Negeri Sembilan. Palong satu [1], palong dua [2] tiga [3] empat [4], semua semua ada, ada Cina ada India. Ha, macam Johor ni [ini] pun di sini, Segamat, takde [tiada] lah. Lain takde [tiada], ni [ini] nama dia wilayah segamat. Ha.

FAIZ : Adakah wujud sebarang bukti fizikal terhadap mitos berkaitan Felda Medoi ini? (bunyi selakan kertas) (suara), bukti terhadap kewujudan (suara) ataupun pembukaan Felda Medoi?

HJ. ISA : Itu, ha tak tahu lah pihak pejabat rasa yang ni, saya tak, tak pasti pulak ni. (batuk) (bunyi meja bergerak).

IJAM : Ok Tuan Haji haa.. seterusnya kita berpindah kepada soalan haa.. pejjajaan?

HJ. ISA : Haa..

IJAM : Ok, Adakah kampung ini pernah dijajah?

HJ. ISA : takde [tiada] (bunyi meja bergoyang).

IJAM : Siapakah, yang telah menjajah haa..[ralat] k ok, kesan penjajahan komunis apakah masalah yang dihadapi, adakah haa.. berlakunya masalah perkauman?

HJ. ISA : Dulu la tu [itu].

Ijam : haa dulu.

HJ. ISA : Ade [ada] masalah perkauman. Kalau dijajah oleh komunis kan ceritanye memang terok [teruk] kita orang melayu (ketawa) - - -

IJAM : Haa.. Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan keselamatan kampung dan penduduk di Felda Medoi?

HJ. ISA : Haa..dikampung Felda Medoi ni [ini] kita adakan rondaan rela dan juga apa tu [itu] rukun tetangga? Haa.. rukun tetangga lah, kita ade [ada] orang tulah [itulah] dia ada jawatan kuasa dia untuk meronda dan sebagainya kawasan kampung.

IJAM : Adakah wujud sebarang monu [ralat] haa.. tanda ataupun haa.. peringatan yang berbentuk fizikal yang boleh dilihat dikampung ni [ini]? kesan-kesan haa.. tanda peringatan yang belia [larat] boleh dilihat dengan mata kasar?

HJ. ISA : Ouh.. sini takde [tiada]

IJAM : Tiada ea?

HJ. ISA : Takde-takde [tiada] tiada.

IJAM : haa.. seterusnya kita berpindah ke soalan bencana

HJ. ISA : Hmm..

IJAM : Berdasarkan peristiwa yang telah berlaku,yang telah berlaku di Felda Medoi, apakah yang terjejas, yang turut terjejas?

HJ. ISA : kalau banjir?

IJAM : Haa..

HJ. ISA : Sekiranya berlaku banjir?

IJAM : Yaa..

HJ. ISA : Aa.. yang terjejas aa.. tanaman la, tanaman macam pokok sawit baru tanam apabila banjir memang terjejas la hmm..

IJAM : Selain daripada itu?

HJ. ISA : Selain itu.. lain takde [tiada] apa pasal [sebab] yang lepas-lepas tiap tahun pokok sawit baru tanam berlaku banjir tu [itu] terjejas la pasal [sebab] kayu-kayu semua hanyut, dia hentam pokok sawit tu [itu] kan pago-pago [pagar] semua rosak la semua tu [itu] macam tu [itu] cara dia.

IJAM : Bolehkah Tuan Haji ceritakan faktor utama yang menyebabkan banjir berlaku dikampung ini?

HJ. ISA : Dia.. belah belakang sana dia ada sungai, sungai besar [besar] kan,

Apabila air tu [itu] penuh dia akan melimpah kemari la, melimpah kemari banjir la itu cerita dia aa.. dia belakang ada sungai besar dia akan pergi kat [dekat] ujung [hujung] sana dia terus [bunyi dari mulut] masuk tu [itu] kan, rumah pun yang kena dalam tujuh [7] lapan [8] rumah la, tp dia punya tuntutan tu [itu] dekat dua puluh [20] orang pasal apa dia kene [kena] dapur saja [sahaja] saya kata ni tak [tidak] boleh tuntutan pasal (bunyi dari mulut) bukan duit tuk dia kata, duit kerajaan tulis jela nama saya dia kata oo.. saya pulak da [sudah] kalah da [suda]. Jadi saya kene masukkan, jadi jumlah dia kadang sampai dua puluh orang [20] yang betul-betul kena tak kurang tujuh [7] lapan [8] rumah je betul-betul kene haa masuk air tu [itu] kan yang lain takde [tiada] apa itu jelah.

IJAM : Apakah kemudahan yang disediakan jika berlakunya banjir?

HJ. ISA : Banjir?(mencelah)

HJ. ISA : Haa.. kemudahan macam ada bot kan haa tu [itu] ada disediakan, lepas tu [itu] makanan semua daripada Segamat bantuan kebajikan masyarakat hantar kemari ataupun kita jemput kesana lalu jalan yang dia bagi lalu lah, haa bawak kemari bantuan, bantuan ada.

IJAM : Adakah bantuan disalurkan terus ataupun ada orang tengah yang membahagikan bantuan?

HJ. ISA : Kita salurkan terus ke tempat yang pemindahan tu [itu] yang laki-laki [lelaki] ada satu [1] rumah tu [itu] nama dia badan PPW [ralat] yang perempuan. Yang laki-laki [lelaki] kita anta [hantar] pada sekolah agama tu [itu] kat [dekat] sana. Bantuan tu [itu] terus tak boleh simpan-simpan. Simpan-simpan kadang-kadang dia sangkut tengah jalan je haa.. pernah berlaku la, jadi sekarang ni kita hantar terus, masak terus ada tukang masak sekali

IJAM : Aa.. dimanakah lokasi yang selalunya [ralat] berlakunya banjir?

HJ. ISA : Banjir?(Mencelah)

IJAM : Lokasi yang kerap kali dilanda.

HJ. ISA : Disebelah sana lah,di sebelah sana tu [itu] ada rumah tu [itu] yang berdekatan dengan sungai tu [itu] kan, sini takde [tiada] dia belah sana. Yang kerap kena banjir la. Tapi nampaknya tahun ni belum sampai lagi ni [ini] da [sudah] bulan sebelas [11] dua belas [12] biasa kan takde dia, Alhamdulillah la kalau tak teruk kena kerja tu [itu].

IJAM : Aa.. dimanakah aa.. lokasi mangsa banjir yang akan ditempatkan?

HJ. ISA : Ditempatkan?(mencelah)

HJ. ISA : Yang wanita perempuan kita letak dekat bangunan rumah GPW haa.. GWP tu [itu] Gerakkan Pesatuan Wanita daerah Medoi dia kira JKK ni yang

pertama dia yang kedua la. Kita dudukan kat [dekat] situ yang laki-laki [lelaki]
 Sekolah Agama Felda Medoi dia tido [tidur] kat [dekat] sana yang
 perempuan belah sini. Masak dia sama dia la dan kita tolong juga.

**IJAM : Aa.. boleh Tuan Haji ceritakan serba sedikit keadaan semasa
 berlakunya banjir di Felda Medoi ?**

HJ. ISA : Berlaku banjir di Felda Medoi ni [ini] yang pertamanya kalau dah
 berlaku aa.. diaorang daripada Segamat nak [hendak] balik ke Medoi tak lepas
 terpaksa berhenti Kampung Jawa sana lah dan kita kalau ada bot kita ambil pakai bot
 bawak kemari. Satu [1] lagi jalan aa.. boleh lalu belakang ni [ini] tapi jalan tu [itu]
 bahaya sikit la boleh lepas juga dia bertemu dengan kolej Tunku Rahman sana haa.. itu
 jelah.

IJAM : Adakah banjir menjejaskan aa.. ekonomi orang di Felda Medoi?

HJ. ISA : Kalau dia hujan saja kan orang yang pokok getah tu [itu] dia tak [tidak] boleh bekerja
 lah haa.. tak [tidak] boleh bekerja. Haa.. orang yang kalau sawit dulu ada getah saja kan tak
 [tidak] boleh bebagi [bahagi] kerja haa.. cuma bantuan tu [itu] yang kita agak anu [dapat]
 bantuan kan dia pergi pada orang banjir saja, yang orang tak [tidak] banjir ni [ini] pun takleh
 [tidak] kerja gak [juga] tol [betul] takda hasil jugak [juga] kan. Haa.. tu [itu] kadang-kadang dia
 orang jumpa saya, macam mana tuk dia kata kita juga tak [tidak] boleh kerja juga, sana ada
 bantuan dia kata beza makan apa haa. Saya da [sudah] ajukan pada wakil rakyat tu [itu]
 parlimen sekijang tu [itu] Anuar Manap eh tak [tidak] boleh dia kata dia bantu yang ni [ini] saja
 yang banjir je yang itu haa.. tak [tidak] boleh buat apa, kita orang suruh rilek kita pun takleh
 [tidak] boleh kerja lah. Pasal getah kan apabila dia hujan je takleh [tidak] kerja kalau sawit
 boleh lah. Dia kalau bole peneroka Felda kalau boleh orang yang tak [tidak] kena ni [ini] pun
 nak [hendak] kena bantu juga dia nak [hendak] mintak (ketawa). Kalau tak [tidak] boleh nak
 [hendak] cakap apa je haa.. kita bawak [bawa] je.

IJAM : Kebiasaanya berapalamakah banjir belaku dan tempuh yang diambil untuk banjir surut?

HJ. ISA : Aa.. paling lama seminggu, tujuh hari kalau untuk surut da macam hari ni [ini] mulakan satu [1] dua [2] kita tunggu tiga [3] empat [4] paling lama pun seminggu tujuh [7] hari pastu [lepas itu] da [sudah] takde [tiada] apa da [sudah] clear takde [tiada] apa.

IJAM : Aa boleh Tuan Haji aa ceritakan serba sedikit kawasan yang terlibat dengan banjir dengan kawasan yang tidak terlibat banjir di kampung ini?

HJ. ISA : kawa [ralat] yang terlibat tu [itu] kawasan tu [itu] tulah Feldanya sebelah sana aa ak banyak la yang sebelah sini tak [tidak] kena takde [tiada] apa-apa yang sana saja hmm -- sana tapi salah hmm gambo [gambar] pun adalah nampaklah rumah tu [itu] air macam ni [ini] separuhkan tapi tak banyaklah tiga [3] empat [4] rumah je campur-campur ada tujuh [7] haa yang lain tu [itu] masuk nama je.

IJAM : Adakah kampung ini mempunyai pasukan keselamatan sendiri?

HJ. ISA : Keselamatan rela ada, keselamatan rela ada aa di Medoi ni [ini] pondok polis pun ada hmm pondok polis pun ada, tapi rela la banyak sekarang dia kita tambah dengan rukun tetangga hmm.

IJAM : Aa ok aa jika ada aa boleh Tuan Haji [ralat] maafkan saya aa apakah unit bantuan yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di kampung ini?

HJ. ISA : Bantuan?

IJAM : Haa unit yang terlibat.

HJ. ISA : Haa yang terlibat..

HJ. ISA : Rela lah rela lepastu jawatan kuasa ni [ini] JKKK ni [ini] haa samalah kita —
semua badan-badan yang ada kat [dekat] Medoi ni [ini] terlibat hmm sama jugak
[juga]

IJAM : Aaa berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir di Felda Medoi?

HJ. ISA : Anggaran takde [tiada].

FAIZ : Rakaman ini dihentikan seketika atas sebab berehat dan akan berasambung seketika nanti.

FAIZ : Berikut adalah sambungan wawancara berkaitan soalan bencana di Felda Medoi.

IJAM : Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?

HJ. ISA : Kerugian aa barang-barang rumah tu [itu] tak [tidak] banyak lah sangat tu [itu], tak [tidak] banyak haa abis [habis] berapa kita nak [hendak] sebut..

IJAM : Anggaran?

HJ. ISA : Anggaran dalam aa seribu[1000] seorang macam tulah [itulah].

IJAM : Ok selain daripada banjir apakah bencana lain aa yang telah dihadapi penduduk kamung ini?

HJ. ISA : Kadang-kadang ada ribut aa ribut tu [itu] dia menanggalkan atap-atap rumah lah kan haa itu yang ada berlaku la lepastu nanti kita telefon wakil rakyat haa dia akan datang la dia beri la sedikit sumbangan apa yang patut la hmm macam tu [itu] jelah.

IJAM : Apakah langkah yang diambil untuk aa mengelakkan ribut?

HJ. ISA : Ribut tu [itu]?

IJAM : Haa

HJ. ISA : Takde [tiada] langkah yang diambil tunggu jela pasal kita pun tak [tidak] tahu macam mana nk ngelakkan dia kan cuma kita mintak orang yang dekat rumah tu [itu] yang pokok-pokok beso [besar] kat [dekat] rumah tu [itu] kita suruh tebang lah takot [takut] dia menghempap rumah sebelum berlakunya angin aa itu jelah(batuk).

IJAM : Aaa apakah ada masalah-masalah lain yang sering melanda penduduk kampung Felda Medoi ?

HJ. ISA : Hmm masalah lain takde [tiada] cuma yang ada masalahnya apa tu [itu] kalau babi hutan tu [itu] haa babi hutan tu [itu] kadang dia aa mengabiskan tanaman kita la haa tu [itu] selain daripada tu [itu].

IJAM : Adakah dikampung ini aa berlaku [ralat] pernah berlakunya jenayah seperti rompakan kecurian dan sebagainya ?

HJ. ISA : Haa kecurian adala biasa ada rompak-rompakkan yang besar besaran ini pun takde [tiada] kecurian di rumah-rumah tu [itu] biasa ada la tapi buat kebelakangan ni [ini] da [sudah] kurang sikit lah hmm.

IJAM : Aa jika ada aa apakah langkah-langkah yang diambil oleh orang kampung untuk mengatasi masalah?

HJ. ISA : Pastu [lepas itu] kalau ada masalah tu [itu] kita adakan perbincangan kita panggil rela, badan-badan yang tu [itu] yang agaknya orangnya muda-muda agak sikit kan kita suruh dia jaga malam la kadang-kadangkala dia ada *round* [ronda] la sini malam dalam pukul [2] ke pukul dua dua belas [12] pukul satu [1] sampai ke pagi kadang-kadang haa kalau da berlaku la itu kira da [sudah] mencegah la hmm tu [itu] rela-rela masukkan rela gitu [begitu].

IJAM : (bunyi selakkan kertas) seterusnya aa kita berallh ke soalan ekonomi.

IJAM : Ok, secara puratanya apakah kegiatan mejortl penduduk kampung Felda Medoi ini?

HJ. ISA : Kalau dulu aa memang penoreh getah lah keseluruhan tapi sekarang ni [ini] aa baru setahun lebih ni [ini] da tanam sawit, jadi akan datang dia punya anu [benda] ekonomi dai kelapa sawit lah haa dulu getah sekarang kelapa sawit tapi yang peringkat kedua ni [ini] ada tiga puluh [30] lebih orang tu [itu] da berhasil sawit la yang saya ni [ini] masih getah lagi haa dia campur la getah sawit.

IJAM : Aa seperti apa yang Tuan Haji ceritakan sebelum ini aa harga getah sekarang ni [ini] sudah jatuh so [jadi] aa apakah langkah yang diambil oleh aa pengusaha getah untuk aa mengatasi masalah tersebut?

HJ. ISA : Kita ni [ini] harga getah ni [ini] daripada kerajaan daripada sana la pusatnya kan kalau kata dia dua [2] ringgit dua [2] puluh sen la satu [1] kilo jadi aa peneroka-peneroka ni [ini] yang ada dah mengeluh dan ada dah [sudah] jumpa saya dia kata tuk kalau tak [tidak] naik harga getah ni [ini] akan datang pilihanraya ni [ini] saya akan pangkah lain, eh saya kata nanti la dulu kita pangkah lain dia kata kalau selagi tak [tidak] naik lagi harga getah ni [ini] dua [2] ringgit dua [2] puluh sen macam mana bagi dua [2] kalau bagi dua [2] pekerja da [sudah] tinggal satu [1] ringgit sepuluh [10] sen, macam saya sekarang ada pekerja dua [2] orang bagi dua [2] la haa jadi diaorang ni [ini] da [ralat] atas harga getah yang murah ni [ini] diaorang banyak marah la, peneroka banyak marah hmm pasal [sebab] harga rendah sangat dia paling takde [tiada] pun empat [4] ringgit paling takde [tiada] lagi pun tiga [3] ringgit baiklah bolehlah ini da [sudah] tinggal dua [2] ringgit dua [2] puluh sen payah [susah] hmm murah sangat kan haa itulah cerita dia, hmm dan ada kalangan pemuda -pemuda da jumpa saya da [sudah] macam mana ni [ini] kata dia saya tak [tidak] boleh buat apa anukan [masalah] pasaran dunia ke apakan ke kita mana tahu semua tu [itu] aa itu cerita dia.

IJAM : Aa adakah penduduk kampung ini lebih terlibat aa dalam sektor pertanian aa getah [ralat] pengurusan getah maafkan saya ataupun aa sawit? yang lebih?

HJ. ISA : Yang lebih getah lah, haah getah. Sawit kalau dah [sudah] berhasil esok haa baru diaorang banyak sawitkan, ini sekarang ni [ini] memang getah pasal [sebab] ni [ini] sawit yang bau tanam baru setahun lebihkan takde [tiada] apa-apa lagi sedang membeso [membesar] lagi.

IJAM : Bagaimanapula, dengan dusun-dusun buah-buahan di kampung Felda Medoi ini?

HJ. ISA : Dusun-dusun buah-buahan ni [ini] orang yang ada kawasan pokok aa yang ada tanam durian, dusun tu [itu] ada la dapat makan. Tapi ada sorang [seorang] peneroka tu [itu] dia ada buat kat [dekat] belakang tu [itu] dekat tujuh [7] ekar durian tapi dia punya tuan punya tu [itu] dah [sudah] meninggal hmm tapi pokok tu [itu] ada lagi la itu yang ditanam tu [itu] rizab Felda, Felda berhak untuk

mengambil balik tanah tu [itu] kan tapi dah [sudah] tanam Felda biar jela tanah tu [itu] haa itu jelah boleh tahan la.

IJAM : Dan bagalmanapula dengan dia punya hasil?

HJ. ISA : Hasil dia kalau da musim ada buah banyak memang lori keluar masuk la tempat tu [itu] tujuh ekar penuh durian haa kalau awak pergi pun kalau musim buah tu [itu] dah [sudah] macam busut dua [2] tiga [3] busut da [sudah] lori daripada luar datang daripada singapore pun ada tapi sekarang ni [ini] saya tak [tidak] pasti la katanya tak berapa ada buah la.

IJAM : K adakah penduduk aa yang mengusahakan aa dusun buah-buahan tersebut aa mempunyai aaa aktiviti lain [ralat] ekonomi lain selain daripada itu?

HJ. ISA : Takde [tiada] dia cuma lepas getah tu [itu] kalau da buah durian ada la kalau dia boleh jual dia jual la kalau yang banyaka tu, kalau yang sikit takde [tiada] la hmm yang sikit tu [itu] makan sendiri jela hmm yang ada kat [dekat] kebun tu [itu] haa macam saya juga ada juga kebun dekat dua [2] puluh pokok tapi buah takde [tiada] tak dapat apa lah.

IJAM : Selain itu, ada tak aa penduduk kampung Felda Medoi ini yang bemiaga?

HJ. ISA : Bemiaga... bemiaga diluar ke didalam ke?

Ijam : Tak [tidak] kesah.

HJ. ISA : Tak [tidak] ea, dalam ada-ada bemiaga kedai runcit kan ada.

IJAM : Adakah terdapat penduduk kampung yang menghasilkan produk buatan mereka sendiri dan dipasarkan?

HJ. ISA : Aaa ada kuih Bahulu, hmm ada rumah belakang ni [ini] haa itu kalau *time* [masa] nak [hendak] raya apa ke memang banyak datang la tempah semua kan haa lain-lain takde [tiada] apa la , kuih Bahulu haa depan ni [ini] ada.

IJAM : Selain daripada aa pengusaha kuih Bahulu?

HJ. ISA : Hmm kuih Bahulu lain..

IJAM : Lemang?

HJ. ISA : Lemang-lemang hmm tak [tidak] ada rasanya, tak [tidak] ada.

IJAM : Adakah penduduk kampung ini aa telah menjadi telah menjadi usahawan berjaya?

HJ. ISA : Hmm usahawan berjaya, aa kampung ni [ini] Felda Medoi takde [tiada], takde [tiada] biasa jelah.

IJAM : Adakah penduduk kampung ini ada menyediakan perkhidmatan seperti membuat *homestay* [rumah tunpangan] untuk orang luar menetap [ralat] aa bermalam disini?

HJ. ISA : Ada, *Homestay* [rumah tunpangan] ada, rumah nombol [nombor] tak [tidak] amek [ambil] pulak [pula].

IJAM : Kebanyakan anak-anak muda di kampung ini bekerja sebagai apa?

HJ. ISA : Anak muda sini yang ada kat [dekat] dalam ni [ini] dia tolong kerja kebun la, yang takde [tiada] sini semua bekerja luar. Semua keluar la Kuala Lumpur semua apa kan.

IJAM : Bekerja diluar sebagai apa?

HJ. ISA : Haa kerja kilang banyak la. Kerja-kerja kilang la. Yang sini ni [ini] tolong orang tua dia la, orang tua dia da tak [tidak] ada kan da [sudah] tua haa dia pengganti kerja kat [dekat] sini la (batuk).

IJAM : Aaa adakah [ralat] kebanyakan orang luar yang datang kesini bekerja ataupun untuk sekadar aa berhijrah?

HJ. ISA : Maksudnya orang luar macam mana tu [itu] ?

IJAM : Orang yang bukan anak jati Johor.

HJ. ISA : Haa dia kalau ada pun dia berhijrah la, dia berhijrah dia melawat sini la. Haa itu ada lah.

IJAM : Bedasarkan pemerhatian kami kampung ini mempunyai tanah yang subur, adakah penduduk kampung menggunakan keistimewaan ini untuk melakukan aktiviti aa bercucuk tanam?

HJ. ISA : Bercucuk tanam aa macam sayur-sayur tu [itu] takde [tiada] la, tapi yang kalau tanah subur yang rizab-rizab Felda ni [ini] kan yang hujung sana hujung sini tu [itu] kan empat [4] lima [5] - - - diaorang tanam sawit, haa banyak diorang tanam sawit. Haa itulah diaorang tanam sawit, maknanya tu [itu] dia

haa kalau nak [hendak] kirakan diaorang menceroboh kawasan Felda tapi diaorang tak [tidak] kerjakan haa dia tanam sawit la. Itu jelah, sayur-sayur takde [tiada] tanam.

IJAM : Adakah aa tanaman penduduk pernah diserang oleh serangga ataupun binatang-binatang perosak?

HJ. ISA : Hmm perosak biasanya tula [itulah] babi tu [itu] tanam apa-apa dia la tolong serang, pisang ke ubi ke apa semua kalau dia masok abis [habis] la hmm.

IJAM : Jika berlakunya tu [itu] apakah langkah yang diambil untuk mengatasi?

HJ. ISA : Kadang-kadang kita buat surat pergi ke pejabat apa Allah pejabat apa lah, binatang punya pejabat haiwan ke apa kan kita hanto [hantar] dia, dia suruh dia datang suruh dia tembak ke apa kan haa. Baru-baru ni [ini] kita hantar surat juga pasal [sebab] anjing banyak sangat dai nak [hendak] tembak hmm pejabat veterina ke apa.

IJAM : Haa ok, seterusnya kita beralih kepada soalan pendidikan di kampung Felda Medoi.

IJAM : Adakah kemudahan Sekolah terdapat dikawasan Felda Medoi?

HJ. ISA : Ada, Sekolah Kebangsaan Felda, dia nama betul dia Sekolah Kebangsaan LKTP Medoi dulu punya la tu [itu] - - - lepastu Sekolah Agama ada.

IJAM : Selain daripada itu?

HJ. ISA : Selain tu [itu] haa gelanggang futsal aa Dewan Semai Bakti Felda Mesoi yang terbaru tu [itu] kan, Balai Raya pun ada siap semua benda la. Lagi apa tu jalor lebar?

IJAM : Perkhidmatan Internet.

HJ. ISA : Haa ada, budak-budak boleh belajar kat [dekat] situ dan kita boleh buat-buat apa yang perlu kan, boleh buat kat [dekat] situ.

IJAM : Berapah bilangan sekolah yang terdapat di kampung ni [ini]?

HJ. ISA : Sekolah Kebangsaan satu [1] Sekolah Agama satu [1] itu sajalah.

IJAM : Berapakah jarak aa dari kampung ke sekolah?

HJ. ISA : Paling jauh dalam seribu [1000] meter la, paling jauh la tu [itu] haa seribu [1000] meter.

IJAM : Kebiasaan aa orang-orang kampung mengantar anak mereka ke sekolah menaiki?

HJ. ISA : Moto [motosikal] , kereta. Haa moto [motosikal] ada kereta ada hanto [hantar] budak sekolah haa ada.

IJAM : Adakah sekolah disini menyediakan aa infrastruktur yang cukup dan selesa kepada pelajar?

HJ. ISA: Siap semua ada la haa kelas-kelas bimbingan dan sebagainya semua sekolah ni [ini] semua adala siap, apa yang saya tahu la pasal [sebab] kata kadang ada mesyuarat PIBG kita pergi kan.

IJAM : Apakah kemudahan dan usaha lain yang disediakan untuk meningkatkan taraf pendidikan aa penduduk kampung?

HJ. ISA : Dalam sekolah tu [itu] eh?

IJAM : Haa

HJ. ISA : Sekolah tu [itu] kalau kita buat masa ni [ini] memang dia kelab memanah apa kata, memang dia Sekolah Kebangsaan Medoi ni [ini] popular la dan ada anak-anak orang sini hmm murid dia dah [sudah] jadi - - - pun dah [sudah] sampai Sabah Sarawak kan haa lagi satu [1] aa latihan daerah Segamat punya sekolah-sekolah memanah ni [ini] dibuat kat [dekat] Medoi. Medoi - - - anu[tuan rumah] yang memulakan kat [dekat] Medoi ada satu [1] cikgu tu [itu] pakar agaknya memanahkan, haa jadi Medoi ni [ini] memanah adalah baguslah budak-budaknya hmm.

IJAM : Adakah pelajar di kampung Felda Medoi ini yang tidak berkemampuan mendapat bantuan?

HJ. ISA : Bantuan la? Tapi semuanya rasa takde [tiada] apa bantuan la semuanya , semua boleh tanggung sendiri haa gitulah [begitulah]. cuma budak-budak OKU jelah yang dapat bantuan daripada JKM kan haa lain takde [tiada] apalah.

IJAM : Seterusnya kita berpindah ke soalan keistimewaan.

IJAM : Apakah keistimewaan dan keunikkan Felda Medoi?

HJ. ISA : Hmm itu tak [tidak] nampak pulak.

IJAM : Sebagai contoh dusun-dusun buah-buahan yang banyak.

HJ. ISA : Haa kalau ikut itu, itu la tadi saya cakap tu [itu] pokok durian tadi yang seluas tujuh [7] ekar memang orang luar datang banyak membeli la, musim ada banyak la, saya pernah tengok la memang banyak - - - kalau diorang [mereka] tahu kan, diorang [mereka] akan pergi situ, tempat tu [itu] lain-lain takde [tidak] ada apa.

IJAM : Adakah kampung ini mempunyai tempat-tempat menarik?

HJ. ISA : Tak [tidak] ada ni [ini], rasa tak [tidak] adalah.

IJAM : Apakah tarikan orang luar datang ke kampung ini?sebagai contoh aa melakukan pemiagaan, berniaga.

HJ. ISA : Berniaga ada, orang luar berniaga dalam ni [ini] ada, kadang-kadang rumah-rumah kan adala lain-lain takde [tiada].

IJAM : Apakah jenis pemiagaan yang mereka lakukan?

HJ. ISA : Macam-macam la ,tapis air la dan alat-alat kaki apa mesin tu [itu] kan,

IJAM : Alat-alat kesihatan.

HJ. ISA : Haa alat kesihatan.

IJAM : Apakah yang menjadi faktor kepada orang luar dari kawasan ini untuk menetap disini [ralat] maafkan saya apakah yabg menjadi faktor kepada orang luar untuk menetap disini?

HJ. ISA : Takde [tiada] cuma orang luar majlis-majlis perkahwinan dia ada *homestay* [rumah tumpangan] dia suka itu jela. Tempat bermalam ada haa jadi senang dia terus kemari terus tinggal rumah tu [itu]. Sini pun ada , belah sana pun ada dah [sudah].

IJAM : Felda Medoi mempunyai masjid yang boleh menjadi daya tarikan kepada orang ramai, apakah nama masjid tersebut?

HJ. ISA : Masjid An-Nur Felda Medoi.

IJAM : Aa Berapalamakah, masjid tersebut tealah dibina?

HJ. ISA : Saya tak [tidak] pastilah berapa lama, tapi dua puluh [20] tahun memang da [sudah] ada sangat la. Dalam dua puluh [20] tahun agaknya masjid yang baru tu [itu].

IJAM : Siapakah yang bertanggungjawab aa masjid ini?

HJ. ISA : Yang bertnaggungjawab ialah pengurus masjid dan ahli-ahli jawatankuasanya, pengurus masjid dan ahli-ahli jawatankuasanya lah menguruskan masjid tu [itu].

IJAM : Adakah masjid ini, masjid An-Nur menjadi mercu tanda Felda Medoi?

HJ. ISA : Ya, haah.

IJAM : Selain menjadi tempat beribadat, apakah kemudahan yang terdapat di masjid ini?

HJ. ISA : Aa kemudahan dia kadang-kadang kita adakan majlis maulut tu [itu] kan, haa dekat masjid tulah [itulah] orang-orang luar kadang ada yang macam ada persinggahan kan dia bermalam disitu hingga kemalam, macam tu [itu] jela.Lain.

IJAM : Aa kemudahan ada *air-cond* [penyaman udara]

HJ. ISA : *Air-cond* [penyaman udara] ada.

IJAM : Kita beralih ke soalan pembangunan.

IJAM : Dikawasan manakah aa dalam Felda Medoi yang telah megalami perubahan besar dari segi teknologi dan pembangunan?

HJ. ISA : Di anulah [disana] dewan semai bakti ni [ini]. Dewan Semai Bakti Felda Medoi. Itu yang nampak anu [bende] sikitlah nampak gah [cantik] sikit. Yang masjid tu [itu] baru siap dia punya menara yang tinggi tu [itu] baru siap tu [itu].

IJAM : Boleh ceritakan secara ringkas perbandingan keadaan Felda Medoi semenjak awal dibuka sehingga kini?

HJ. ISA: Kalau mula dibuka dulu setahu saya tahun lapan puluh [80] sampai kemarikan, memang bangunan-bangunan dia tak [tidak] berapa cantik la. Sekarang ni [ini] kita da [sudah] mintak peruntukan, kita cantikkan. Balai raya pun da [sudah] cantik yang satu [1] tu [itu] sebelah balai raya lama dengan gelanggang futsal dengan semai bakti felda tu [itu] haa tu [itu] terbaru. Jadi dalam masa ni [ini] da [sudah] ada perubahan la, cantik la nampak kalau orang luar sampai pun da [sudah] nampak Dewan Semai Bakti tu [itu] haa..balai polis tu [itu] sebelah tu [itu] dia terbakar kita mintak-mintak peruntukan tak [tidak] dapat lagi. Sebelah dewan semai bakti ada kecik [kecil] sikit bendera tu [itu] kan pondok polis terbakar, mintak peruntukkan tak [tidak] dapat lagi sampai sekarang. Takde [tiada] peruntukkan katanya jadi balai polis tak [tidak] cantik lah macam tu [itu] je da [sudah] terbakar da [sudah].

IJAM : Apa punca akibat terbakar?

HJ. ISA: Terbakar tu [itu] aa katanya ada orang sebelah tu [itu] dia ada dua [2] polis tu [itu] kan dia ada masak barang kan dia lupa matikan apa tu [itu], tu [itu] lah cerita dia, kalau tak [tidak] tak [tidak] jadi dia.

IJAM : Bagaimanakah pula dengan keadaan jalan-jalan dikampung sebelum ni dan sekarang?

HJ. ISA : Sekarang ni [ini] jalanya kawasannya kawasan perkampungan cantik telah diturap semula kan. Sebelum tu [itu] ada juga kerosakkan tapi boleh lagi la. Tapi buat masa ini dia da [sudah] diturap balik semua mana ceruk [kawasan] jalan tu [itu] dia da [sudah] buat da cantik cuma generasi ke dua [2] kawasan rumah perumahan sana kan belum tar [turap] lagilah haa sedang mohon.

IJAM : Adakah kampung ini sedang dalam perancangan untuk dimajukan lagi?

HJ. ISA : Kampung ni [ini] aa dalam dimajukan lagi cuma pihak Felda la dia suruh kita mencantikkan kampung ini. Kita nak [hendak] masuk pertandingan aa kecantikkan aa Felda yang seluruh Malaysia tu [itu] yang nombor [nombor] satu [1] dapat satu juta [1000000]. Tapi ni [ini] memandangkan Felda ni [ini] dah [sudah] lamakan mungkin agaknya payah [susah] sikit la peneroka dia pun da [sudah] takde [tiada] selain la tempat baru peneroka muda-muda cantik lagi boleh buat haa yang dapat-dapat tu [itu] satu juta [1000000] tu [itu] jadi Medoi, tapi kita cantikkan juga haa tapi ni [ini] masuk lah tu [itu] dalam bilangan yang kesepuluh [10] tu [itu] yang tercantik termasuk jugak [juga] Medoi, sepuluh [10] tu [itu] dia akan bagi sepuluh ribu [10000] sorang [seorang] ke akan bagi aa yang macam cantik dulu Felda Redung nak [hendak] dapatkan satu juta [1000000] tak [tidak] jadi belum lagi. Tapi diaorang [diorang] tuk [untuk] golongan yang sepuluh [10] tu [itu] juga haa tapi ni [ini] kita akan cantikan jugalah Felda Medoi ni [ini] seberapa yang boleh haa saya akan cantikkan juga.

IJAM : Ok, seterusnya berapakah anggaran jarak dari Felda Medoi ke bandar?

HJ. ISA : Semilan [9] kilometer. Semilan [9] kilometer daripada sini ke bandar
segamat, kata ceritanya pun Felda yang paling hampir dengan bandar, Felda
Medoi la.

**IJAM : Adakah terdapat perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan untuk
penduduk bergerak ke bandar?**

HJ. ISA : Oo tiada, takde [tiada]. Buat masa ni [ini] memang takde [tiada] dulu ada la bas
sume [semua] siap koperasi punya tapi macam dia *bankrupt* [muflis] ke apa kan tak [tidak]
tahu lah. Haa jadi sekarang takde [tidak] ada koperasi, saya pengerusi koperasi bas da
[sudah] tak [tidak] ada dah [sudah] haa pasal [sebab] kita nak [hendak] adakan apa, nak
[hendak] adakan pam minyak pun kita kaji-kaji tak [tidak] boleh pasal [sebab] penduduk tak
[tidak] cukup ke, kederaan tak [tidak] cukup kan haa kita da mohon dulu tak [tidak] dapat
lah.

**IJAM : Adakah kampung ini pernah memenangi apa-apa anugerah ataupun mendapat
pengitirafan?**

HJ. ISA : Oo kampung Medoi, takde [tiada]. Takde [tiada]

**IJAM : Siapakah antara anak jati kampung ini yang telah berjaya dan dikenali orang
ramai?**

HJ. ISA : Aa yang dikenali orang ramai aa Datuk Sarcu Bin Sawal, dulu dia pengerusi KPF
Keperasi Pemodanan Felda. Haa rumah dia kat [di] situ dia rumah mak bapak dia da
[sudah] meninggal. Datuk Sarcu Bin Sawal lah yang yang dia kenal dalam Felda kan, yang
lain tu [itu] ada general sume [semua] tu [itu] orang tak [tidak] kenal la tempat-tempat tu, dia
yang kenal la. Sarcu Bin Sawal nama dia.

IJAM : Aa boleh Tuan Haji ceritakan aa beraparamaikah anak jati kampung ini yang telah berjaya?

HJ. ISA : Oo ramai tu [itu] saya tak [tidak] berapa pasti la, tak [tidak] pasti haa tapi ramai yang datang-datuk pun lebih dari lima [5] orang haa general pun ada ni [ini] budak Medoi ni [ini]. Saya rasa dari Felda Cempelak saya rasa ramai lagi sini datang-datukkan Felda Cempelak pun dua puluh lima [25] pun akan adakan anak-anak yang berjaya dia akan panggil dua puluh lima [25] hari bulan dua belas [12] ni [ini] termasuk saya sekali la kena pergi. Tapi Medoi ni [ini] kalau dia buat macam tu [itu] lagi ramai datang-datuk tu [itu] haa tu je.

FAIZ : Hmm kemudian kita serba sedikit soalan tambahan.

FAIZ : Berkenaan dengan sejarah dahulu, penjajahan komunis [komunis] adakah dia turut menjejaskan Felda Medoi? Adakah ia turut memberi kesan kepada Felda Medoi?

HJ. ISA : Takde [tiada]. ha takde [tiada].

FAIZ : Berkaitan dengan tanaman, hmm kami tahu yang tanaman disini aa kepada tanaman buah-buahan [ralat] aa jadi adakah penduduk di Felda fokus kepada tanaman?

HJ. ISA : Tak [tidak] fokus, dia cuma hasil kebun sahaja yang buah-buah ni [ini] dia tak [tidak] berapa fokus sangat la sekiranya ada, ada la yang, yang takde [tiada] takde [tiada] macam tu [itu] je [sahaja] hmm.

FAIZ : Jadi aa adakah pihak jawatankuasa turut memberi bantuan kepada aa penduduk di Felda yang mana ingin memulakan tanaman ataupun memulakan apa-apa?

HJ. ISA : Jawatankuasa JKKK ni [ini]?

FAIZ : Haa.

HJ. ISA : Takde takde [tiada]. Dia kalau nak [hendak] buat apa tanaman apakan dia buat pemohonan sendirilah. Kita cuma sokong aja [sahaja] haa macam tu [itu] ada.

FAIZ : Hmm kemudian ketika banjir tindakan yang diambil oleh jkk?

HJ. ISA : Tindakan diambil yang pertama kita bagitahu pengulu dia ada pengulu mukim, pengulu mukim tu [itu] nama dia encik Rasul dan dia mengandungi enam [6] ketua kampung apabila kampung - - - berlakunya banjir kita akan maklum pada pengulu, pengulu akan maklum kepada jabatan kebajikan masyarakatkan haa lepas tu [itu] kalau ada bantuan, bantuan sampai itu jelah [sahajalah] kita bagitahu dia, Medoi sekarang da [sudah] banjir hari ini, aa macam itu jelah [sahajalah].

